

MAJLIS MESYUARAT NEGARA

**PENYATA RASMI (HANSARD)
MESYUARAT PERTAMA
DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21**

[DRAF AWAL]

**HARI SELASA
3 RAMADAN 1446
BERSAMAAN 4 MAC 2025
(HARI KEEMPAT)**

DEWAN MAJLIS

Hari Selasa, 3 Ramadan 1446 / 4 Mac 2025

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. (Tidak hadir atas makluman kurang sihat).

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Haji Muhammad Amalul Muttaqin bin Haji Ismail, Pemangku Penolong Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari keempat pada hari ini, Selasa 03 Ramadan 1446 Hijrah bersamaan 04 Mac 2025 Masihi didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamualaikum warahmatullahi

wabarakatuh Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan limpahNya jua, bahawa kita dapat bersama-sama berkumpul pada hari ini untuk bersidang bagi hari keempat dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan ke-21, Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas junjungan kita Saidina Muhammad Sallallahu alaihi wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, di atas kesempatan kita menunaikan ibadah bulan puasa yang mubarak ini, saya bersyukur semoga Allah akan menerima semua amalan kita dan mengurniakan kita keberkahan, kedamaian dan kebahagiaan dalam kita menjalankan tugas-tugas untuk negara dan rakyat Negara Brunei Darussalam ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita akan memulakan hari ini dengan beberapa urusan menyelesaikan mesyuarat kita seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Waktu pertanyaan bagi jawab lisan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya sekarang membuka ruang bagi waktu pertanyaan selama satu jam bagi setiap hari. Sebagai peringatan bersama, Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan akan mempunyai had masa 10 minit untuk menjawab setiap pertanyaan.

Mana-mana pertanyaan yang tersenarai di dalam perintah harian tetapi tidak sempat dijawab, akan dijawab secara bertulis dan akan diterbitkan dalam dokumen rasmi Majlis Mesyuarat Negara.

Di hadapan kita sekarang, terdapat senarai pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan. Saya memulakan dengan soalan pertama iaitu dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II. Silakan Yang Berhormat. Silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terlebih dahulu sukacita kaola mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman terhadap isu pemulihan dan pencegahan dadah.

Jabatan Perdana Menteri memberikan perhatian khas kepada usaha-usaha Pusat Al-Islah dalam memberikan khidmat rawatan dan pemulihan residen-residen di Pusat Al-Islah.

Dalam hal ini, Biro Kawalan Narkotik menitikberatkan penyediaan pelbagai program dan perkhidmatan di bawah *therapeutic community* bagi membantu residen untuk mengekalkan kepulihan mereka dengan turut melibatkan

keluarga residen dalam program pemulihan tersebut.

Sebagai salah satu usaha untuk membantu proses reintegrasi residen Pusat Al-Islah sebelum kembali sepenuhnya ke pangkuan keluarga dan masyarakat, Biro Kawalan Narkotik telah memperkenalkan Skim Pelepasan Sementara (SPS) bagi mempersiapkan diri mereka.

Melalui program SPS residen yang menunjukkan perkembangan positif dalam program pemulihan akan diberi peluang untuk pulang ke rumah keluarga masing-masing pada hujung minggu dan seterusnya mengikuti penempatan kerja seperti di syarikat-syarikat swasta dan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO), melanjutkan pembelajaran di Pusat Pembangunan Belia (PPB) atau melibatkan diri dalam aktiviti dan perkhidmatan komuniti.

Selain itu, jawatankuasa penasihat Pusat Al-Islah yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, mempunyai peranan untuk mengenal pasti peluang-peluang pekerjaan bagi residen di bawah program SPS dan seterusnya meningkatkan kemahiran dan keupayaan para residen sebelum mereka dapat kembali ke pangkuan masyarakat.

Setelah dibebaskan dari Pusat Al-Islah, lepasan residen juga akan dipantau melalui skim pengawasan dalam mana mereka akan menjalani program dan aktiviti di bahagian pengawasan yang tertumpu kepada pengukuhan jati diri.

Skim pengawasan memainkan peranan penting dalam memberikan perkhidmatan dan program pasca rawatan dan pemulihan dadah dalam membantu mereka menyesuaikan diri dalam kehidupan masyarakat agar mereka dapat menuju ke arah pemulihan yang berkekalan.

Dengan adanya program-program seperti SPS dan skim pengawasan, Alhamdulillah, pihak Biro Kawalan Narkotik telah mencatat penurunan dalam jumlah kes kemasukan semula atau *relapse* di kalangan residen di Pusat Al-Islah, iaitu penurunan sebanyak 35% dari 17 kes pada tahun 2021 menjadi 11 kes pada tahun 2024.

Seterusnya menyentuh mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat untuk memberikan dana kepada residen Pusat Al-Islah agar mereka dapat berhenti dari terus melakukan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan dadah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pusat Al-Islah telah diberikan peruntukan dana hampir ringgit Brunei \$3.5 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025 dan adalah dinilai bahawa jumlah tersebut lebih sesuai untuk digunakan bagi membiayai aktiviti-aktiviti seperti program rawatan dan pemulihan untuk residen Pusat Al-Islah.

Walau bagaimanapun, Jabatan Perdana Menteri mengalu-alukan sebarang bantuan dan sumbangan tambahan yang dapat diberikan kepada Pusat Al-Islah agar mereka dapat mengukuhkan lebih

banyak program untuk membantu residen-residen yang sedang menjalani proses rawatan dan pemulihan.

Pada kesempatan ini, Jabatan Perdana Menteri juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak-pihak yang telah memberikan sumbangan ikhlas bagi menjayakan aktiviti-aktiviti Pusat Al-Islah di sepanjang tahun 2020, 2021 dan 2024.

Seterusnya Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah dan Bank Islam Brunei Darussalam. Jabatan Perdana Menteri juga ingin menyeru pihak-pihak yang berkenaan termasuk Badan Bukan Kerajaan (*NGOs*) dan *Government Linked Companies (GLC)* untuk sama-sama memberikan sumbangan dari segi dana dan peluang-peluang seperti *apprenticeship* untuk meningkatkan kemahiran dan pengalaman residen-residen Pusat Al-Islah agar mereka dapat mencari peluang pekerjaan setelah mereka selesai menjalani program pemulihan nanti.

Jabatan Perdana Menteri penuh percaya bahawa sumbangan seperti ini bukan sahaja akan memberikan manfaat kepada individu yang terlibat tetapi juga kepada masyarakat dan negara secara keseluruhannya dalam usaha mencapai kemakmuran dan kesejahteraan bersama.

Dalam hubungan ini, Biro Kawalan Narkotik juga akan sentiasa berusaha untuk mengukuhkan dan mengemaskini perkhidmatan rawatan dan pemulihan

di Pusat Al-Islah selaras dengan piawaian antarabangsa. Ke arah itu, Biro Kawalan Narkotik sedang menerokai penambahbaikan mengikut keperluan tren terkini dadah dan juga kesesuaian budaya Negara Brunei Darussalam dari masa ke masa.

Secara keseluruhan perjalanan menuju pemulihan dadah yang jitu serta pengukuhan jati diri dapat dicapai bukan hanya melalui pelaksanaan program rawatan dan pemulihan dadah yang disediakan di dalam pusat pemulihan tetapi memerlukan sokongan dan dukungan padu daripada seluruh masyarakat khususnya keluarga residen untuk memastikan mereka tidak lagi terjerumus di dalam aktiviti penyalahgunaan dadah.

Sokongan tambahan kepada lepasan residen juga memerlukan pendekatan yang lebih holistik untuk menghasilkan kesan pemulihan yang berkesan serta mampan. Ianya adalah menjadi tanggungjawab pelbagai pihak yang berkepentingan sebagai salah satu pendekatan *Whole of Nation* terutama sekali dalam menangani faktor-faktor yang menyumbang boleh kepada kegagalan pemulihan seperti persekitaran pergaulan, pekerjaan dan sokongan masyarakat.

Dalam hal ini adalah menjadi harapan Jabatan Perdana Menteri bahawa lepasan residen Pusat Al-Islah dapat diberi peluang yang secukupnya untuk membuktikan potensi mereka serta diberi kesempatan dan peluang kedua

untuk membina hidup baharu yang lebih baik.

Dengan memberi sokongan penuh dalam perjalanan-perjalanan mereka menuju pemulihan, kitani dapat membantu lepasan residen Pusat Al-Islah untuk kembali ke pangkuan masyarakat sebagai individu yang berdaya saing yang memberi sumbangan positif kepada negara dan keluarga mereka.

Ini adalah tanggungjawab kitani bersama untuk memastikan agar mereka dapat mengubah nasib ke arah yang lebih baik di dunia dan akhirat, insya Allah. Sekian disampaikan dan marilah kita sama-sama berdoa agar Negara Brunei Darussalam sentiasa dilindungi dari ancaman dan cabaran penyalahgunaan dadah.

Semoga negara terus maju, aman dan sejahtera dan seluruh lapisan generasi bebas dari pengaruh negatif dadah. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang kedua, iaitu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan Yang Berhormat Pengiran adalah diambil baik.

Pada menjawabnya, izinkan peramba mulai dengan mengimbas kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut tahun baharu 2008 Masihi, baginda bertitah:

"...Jangan anggap rasuah kecil tidak mengapa. Tetapi ingatlah akan risikonya. Kecil atau besar, sedikit atau banyak adalah sama-sama bernama penyakit yang boleh menjejaskan negara. Negara yang karam dengan rasuah adalah negara yang malang..."

Demikian titah baginda. Dari segi intipatinya, kelakuan rasuah dalam apa jua bentuk dan tidak kira jumlah yang disangkut paut adalah jenayah yang perlu dipandang serius dan jika tidak ditangani boleh menjejaskan keselamatan negara.

Ini adalah tercermin di bawah Akta Pencegahan Rasuah (Penggai 131) dan juga Kanun Hukuman Jenayah (Bab 22), di mana kesalahan-kesalahan yang diperuntukan berhubung dengan integriti (salah kuasa) dan rasuah membawa hukuman yang berat, iaitu ada kalanya sehingga denda sebanyak \$30,000 dan penjara selama 7 tahun.

Seperti Yang Berhormat Pengiran sedia maklum, pada tahap kebangsaan, agensi yang dipertanggungjawabkan dan diberikan kuasa bagi membanteras jenayah rasuah adalah Biro Mencegah Rasuah (BMR). Manakala pendakwaan dijalankan oleh pihak pendakwa raya.

Dalam hal ini, pihak berkuasa tidak akan tergesa-gesa untuk mengambil tindakan yang bersesuaian ke atas mana-mana penjawat awam yang terbabit dalam gejala rasuah jika ada pembuktian ke atasnya.

Kes-kes yang telah dibawa di mahkamah pada tahun-tahun kebelakangan membuktikan bahawa tindakan akan diambil tidak mengambil kira peringkat, tidak mengambil kira pangkat penjawat awam sama ada pegawai kanan atau kakitangan dan tidak mengira jika jumlah faedah yang diterima olehnya adalah sedikit ataupun banyak.

Namun pada masa yang sama pihak kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah serta inisiatif tertentu bagi memastikan adanya *safeguards* dari isu-isu integriti dan jenayah rasuah di sektor awam.

Merujuk kepada cadangan bagi mengadakan bahagian (*division*) integriti di setiap kementerian dan jabatan, izinkan peramba mengongsikan bahawa melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan:10/2003, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mula memperkenalkan penubuhan Audit Dalaman di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan bagi mengemaskinikan lagi pengurusan kewangan dan organisasi kementerian dan jabatan kerajaan.

Surat Keliling Jabatan Jabatan Perdana Menteri Bilangan: 05/2022 telah dikeluarkan semula pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa pengemaskinian adalah dilaksanakan ke atas Audit Dalaman dengan antara lainnya mengadakan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Audit Dalaman secara berpusat (centralised) iaitu Unit-Unit Dalaman peringkat jabatan adalah diserapkan di Unit Audit dalam peringkat kementerian yang mana antara objektifnya adalah untuk:-

Pertama, memastikan kawalan dalaman dan *check and balance* wujud dan mencukupi bagi semua pengurusan kewangan; dan

Kedua, mencegah dan mengawal kejadian-kejadian pecah amanah, penyelewengan, penyalahgunaan, pembaziran dan pemborosan. Adalah jelas bahawa Jawatankuasa Audit Dalaman dan Unit Audit Dalaman yang sedia ada memainkan peranan yang sama seperti bahagian ataupun *division integrity* sebagaimana cadangan Yang Berhormat Pengiran itu.

Sehubungan dengan itu juga perlu ditekankan bahawa tanggungjawab bagi membanteras rasuah adalah amanah setiap warga perkhidmatan awam. Dalam hal ini, Biro Mencegah Rasuah telah melaksanakan beberapa inisiatif termasuk program *training of trainers* pada 10 Disember 2022 bersempena dengan Hari Anti Rasuah Antarabangsa

Tahun 2022 sebagai satu inisiatif untuk mencegah rasuah dalam organisasi secara lebih sistematik dan holistik. Program yang dilancarkan memberikan latihan bagi wakil jabatan dan kementerian yang dicalonkan sebagai fokal integriti dalam jabatan atau kementerian tersebut untuk memperluaskan kefahaman tentang usaha pencegahan rasuah dan percanggahan kepentingan untuk membina budaya dan integriti tinggi di jabatan dan kementerian tersebut.

Selanjutnya fokal tersebut juga digalakkan untuk memeriksa Amalan Dalaman (*Standard Operating Procedure*) SOP yang perlu diperbaiki. Mana-mana usaha tersebut adalah boleh dirujuk semula dengan bantuan Biro Mencegah Rasuah (BMR) mengenainya.

Tambahan pada itu, pihak Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Pejabat Peguam Negara telah menganjurkan seminar perundangan kali ke-4 yang telah berlangsung pada 3 hingga 4 Februari baru-baru ini dan telah memuatkan beberapa topik yang bertumpu khususnya kepada hal ehwal integriti warga perkhidmatan awam agar dapat sama-sama menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang bersih, amanah dan berlandaskan integriti.

Adalah jelas bahawa sememangnya ada sudah langkah-langkah serta

inisiatif komprehensif yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi isu-isu integriti dan membanteras jenayah rasuah dalam kalangan warga perkhidmatan awam.

Walau bagaimanapun, sebagaimana inti cadangan Yang Berhormat Pengiran, pemantauan berterusan akan terus dijalankan oleh pihak kerajaan untuk mengenal pasti sebarang kelemahan dalam sistem perkhidmatan awam yang boleh disalahgunakan atau diambil kesempatan dan kemudiannya menimbulkan isu-isu integriti dan jenayah rasuah. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang ketiga iaitu daripada Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadan yang mulia ini dan semoga semua ibadah kita diterima dan pahala yang digandakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin di atas pertanyaan Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman kita semua Negara Brunei Darussalam dan Malaysia sedang giat melaksanakan kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan darat kedua buah negara. Kerjasama ini telah berjalan dengan lancar sejak penubuhan Jawatankuasa Teknikal Penandaan dan Pengukuran Sempadan Darat pada tahun 2012.

Setakat bulan Ogos sahaja, pada tahun lepas, kira-kira 175.96 kilometer daripada 528.45 kilometer telah siap ditandai dan dilaksanakan. Pihak Negara Brunei Darussalam dan Malaysia akan terus berusaha untuk mempercepatkan lagi kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan darat yang telah dikenali sebagai kawasan-kawasan keutamaan ataupun *priority areas* iaitu di antara Sungai Tujuh ke Saluran Pagalayan dari Bebuloh ke Bukit Gadong dan Bukit Gadong ke Kuala Menunggol. Negara Brunei Darussalam dan Malaysia juga telah bersetuju bagi semua kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan darat untuk dimuktamadkan selewat-lewatnya pada tahun 2034.

Pada tahun lepas semasa Perundingan Tahunan Ketua-Ketua Kerajaan ke-25 di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Amat Berhormat Dato Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, kedua-dua

negara telah menandatangani dua dokumen berkaitan dengan kerja-kerja pengukuran dan penandaan bersama sempadan darat iaitu:-

Pertama, Exchange of Notes di peringkat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri yang menyatakan komitmen kedua buah negara untuk mendapatkan kemajuan secepat mungkin di kawasan-kawasan keutamaan (*priority areas*) khususnya kawasan Bebuluoh ke Bukit Gadong dan; dan

Kedua, Memorandum Persefahaman fasa pertama di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia bagi kawasan-kawasan di mana kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan darat telah selesai dibuat iaitu bagi Kawasan di Daerah Belait, Daerah Tutong, Daerah Temburong dan juga Teluk Brunei. MOU berkenaan bertujuan untuk menunjukkan hasil kemajuan yang telah dicapai bagi beberapa kawasan di mana kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan darat yang telah selesai dibuat.

Kementerian ini bersama agensi-agensi yang berkenaan di Negara Brunei Darussalam akan terus bekerjasama rapat dengan pihak Malaysia dalam memastikan kedua buah negara mematuhi jangka masa (*time frame*) yang telah dipersetujui dan menyelesaikan keseluruhan proses penandaan dan pengukuran sempadan darat selewat-lewatnya pada tahun 2034.

Seperti yang dimaklumkan, kerja-kerja penandaan dan pengukuran masih sedang giat dijalankan.

Walaupun beberapa kawasan telah siap diukur dan ditanda ianya masih dianggap *tentative*. Sempadan kedua buah negara hanya akan muktamad setelah semua kerja-kerja penandaan dan pengukuran kawasan sempadan darat selesai dilaksanakan serta mendapat persetujuan bersama dari kedua-dua pihak.

Pada masa yang sama, Agensi Penguatkuasaan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia terus bekerjasama rapat dalam mengawal sempadan masing-masing serta aktiviti rentas sempadan yang menyalahi undang-undang.

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri juga akan terus bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi penguatkuasaan dan pihak berkepentingan bagi memastikan keselamatan sempadan darat dan laut serta juga aktiviti-aktiviti di dalamnya dipelihara.

Kerjasama ini penting untuk memastikan semua pihak berkenaan dapat maklumat terkini dan boleh mengambil tindakan sewajarnya dalam memantau serta mengawal sempadan. Ini termasuk juga usaha untuk mencegah insiden seperti pencerobohan. Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang keempat iaitu dari Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman kepada Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin memohon izin untuk sekiranya dapat jua dapat menjawab dua soalan terus bersama iaitu soalan empat dan lima seperti tersenarai di dalam Perintah Harian memandangkan respons atau tindak balas yang seakan sama dan berhubung kait. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat akan menjawab sekarang soalan yang keempat daripada Yang Berhormat Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman dan soalan yang kelima yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam. Kedua-duanya ditujukan kepada Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan akan dijawab kedua-duanya sekali. Saya benarkan sedemikian.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terlebih dahulu peramba/kaola/saya ingin mengambil kesempatan ini untuk juga mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa

kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga yang turut hadir di Dewan yang mulia ini.

Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, selamat pagi Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Terlebih dahulu diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman kerana menyentuh mengenai isu yang memang semakin mencabar iaitu berkaitan dengan penggodaman telefon pintar dan juga yang dalam talian secara amnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan-tindakan utama yang telah diusahakan adalah tindakan berterusan untuk menyekat laman web berunsur penipuan dan nombor telefon yang digunakan untuk panggilan dan *sms* penipuan. Dengan kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei, UNN dan syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan lawan web yang disahkan sebagai *scam* akan disekat dengan serta merta.

Selain itu, langkah-langkah dan *standard operating procedures* untuk menangani sebarang aduan berkaitan nombor telefon yang digunakan untuk panggilan dan *sms* penipuan telah ditetapkan dan dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Sejak tahun 2024, sebanyak 82 laman web berunsur penipuan dan sebanyak 557 nombor telefon telah disekat.

Seterusnya, antara usaha untuk mempertingkatkan keselamatan dan menangani aktiviti menyalahi undang-undang melalui panggilan dan sistem pesanan ringkas *sms* di Negara Brunei Darussalam, pihak AITI bekerjasama dengan pihak UNN, *Datastream Digital Sdn. Bhd.*, *Progresif Sdn. Bhd* dan *Imagine Sdn. Bhd.* untuk melaksanakan Program Pendaftaran Semula Kad SIM Prabayar Telefon Bimbit secara berperingkat di Negara Brunei Darussalam. Program tersebut telah bermula pada 2 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025 yang mana pengguna pre-bayar telefon bimbit adalah dikehendaki untuk mendaftar semula dengan penyedia perkhidmatan masing-masing.

Rekod pengguna yang tepat dan terkini adalah amat penting bagi membantu penguatkuasaan undang-undang mencegah penyalahgunaan pendaftaran kad SIM untuk tujuan yang menyalahi undang-undang seperti penipuan dan penyebaran maklumat palsu.

Hasil dari inisiatif pemberigaan giat yang dijalankan dan berdasarkan data yang diperolehi dari syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan dalam tempoh satu bulan sejak pendaftaran semula ini dilancarkan, setakat 1 Februari 2025, seramai 55,108 pengguna telefon bimbit pre-bayar iaitu 13% dari jumlah keseluruhan telah mendaftarkan *SIM card* mereka semula.

Pemberigaan dan inisiatif berkaitan akan terus dilaksanakan oleh AITI dan syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan dari masa ke semasa bagi menggalakkan pendaftaran semula dalam kalangan pengguna berkenaan.

Inisiatif meningkatkan kesedaran awam juga turut dilaksanakan secara berterusan dengan bekerjasama dengan agensi-agensi seperti *Brunei Darussalam Central Bank*, Pasukan Polis Diraja Brunei dan juga agensi-agensi bukan kerajaan. Ini termasuk sesi taklimat kepada kalangan warga emas dan belia-belia serta penyediaan bahan-bahan Poster Kesedaran Awam dan penerbitan video-video klip.

Bagi menangani ancaman ini secara holistik dan juga proaktif, pihak CSB juga telah mengadakan satu bengkel pada tahun lepas semasa *Cybersecurity Conference* bagi melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang seperti AITI, *Brunei Darussalam Central Bank* berserta tiga buah bank tempatan iaitu BIBD, TAIB dan juga Baiduri.

Ini adalah bertujuan untuk bagi pengendalian kaedah teknologi yang terdapat pada masa ini bagi menundangi semua pengguna yang terlibat melalui *Fourth Intelligence Platform*. CSB sedang mempertimbangkan penggunaan sistem teknologi ini bagi tujuan pengawasan dan pembanterasan penipuan dalam talian. CSB juga sedang berusaha membangunkan sebuah portal bagi rujukan orang ramai mengenai elemen-

elemen yang digunakan sebagai konduit kepada aktiviti *scam* dan *fraud*.

Perkembangan seterusnya adalah inisiatif ini untuk pembangunan *mobile app* yang boleh memberikan fungsi serupa portal tersebut kepada pengguna *mobile phones*. Pihak AITI juga menyediakan *facts checking platform* secara berpusat yang berperanan untuk perkongsian maklumat-maklumat yang tepat dan sahih.

Platform ini juga akan meningkatkan kewaspadaan orang ramai terhadap berita palsu dan *scams*. Hasil kerjasama pihak-pihak berkepentingan termasuk Pasukan Polis Diraja Brunei telah menghasilkan beberapa tangkapan dan juga kes-kes yang dihadapkan ke mahkamah berhubung dengan kes-kes penipuan dalam talian.

Bagi soalan seterusnya, terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam yang sentiasa menunjukkan keprihatinan dalam hal ehwal perlindungan terhadap kanak-kanak di negara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam turut meneliti pendekatan yang diambil oleh negara-negara serantau seperti ASEAN dan juga Australia dalam menilai keperluan untuk menyekat dan pengawalseliaan platform media.

Negara ini juga melihat amalan-amalan terbaik serantau melalui platform seperti *ASEAN Digital Senior Officials' Meeting*

dan *ASEAN Senior Officials' Meeting Responsible for Information* bagi pendekatan secara kolektif dalam menangani isu kandungan yang berkaitan dengan platform media sosial.

Dalam masa yang sama, pihak AITI juga berhubung secara langsung dengan pihak *META* iaitu *Facebook*, *WhatsApp* dan *Instagram* dalam keperluan untuk melindungi kanak-kanak dan jenayah dalam talian termasuk permohonan turun kandung media sosial (*request for content take down*) yang menyalahi piawaian *community matter* atau *community standards* mereka.

Semasa sesi lawatan kerja Jawatankuasa Kebangsaan Keselamatan Siber ke Pejabat *META* di Singapura pada tahun lepas, rombongan juga telah membincangkan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak *META* dalam menangani isu keselamatan siber secara amnya, termasuk berita palsu, penipuan dalam talian dan penyalahgunaan teknologi *AI*.

Hasil dari lawatan tersebut termasuk pihak *META* bersetuju bagi melantik *focal point* dari *META* dengan agensi-agensi berkenaan khususnya Pasukan Polis Diraja Brunei dan juga pihak AITI untuk di-*formalised*. Pihak *META* juga mengendalikan bengkel kepada *focal points of contact* termasuk *refresher course*, *basic subscriber information* dan *self-management platforms courses* kepada pihak AITI juga Polis Diraja Brunei.

Seterusnya, antara langkah-langkah lain dalam mendokong pelaksanaan inisiatif untuk melindungi kanak-kanak dari jenayah dalam talian dan kandungan yang tidak sesuai adalah seperti berikut:-

Pihak AITI bekerjasama dengan pihak UNN menyekat juga laman-laman web berunsur tidak bermoral dan menyalahi tata amalan internet atau *internet code of practice*. Sejak 5 tahun kebelakangan, sebanyak 135 laman-laman web telah disekat. Antara cabaran dalam penyekatan kandungan media sosial adalah apabila kandungan tersebut berasal dari luar negara yang mempunyai konteks berbeza dari segi piawaian, komuniti dan juga adakalanya bercanggah dengan tata susila dan nilai-nilai sesebuah negara.

Selain itu, mana-mana laman web yang disekat juga boleh dipintas atau *bypass* dengan penggunaan VPN atau *Virtual Private Network* menyebabkan sebarang kandungan yang bercanggah masih boleh dapat diakses.

Namun begitu, pihak AITI bekerjasama dengan pihak agensi-agensi berkenaan seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam melaksanakan inisiatif kesedaran awam berkaitan keselamatan dalam talian serta penggunaan internet secara berhemah dan bertanggungjawab dan juga meluaskan penyaluran bahan-bahan pembelajaran tersebut melalui aplikasi Akademi *Mindtrex* yang dipanggil

tips keselamatan media sosial pada tahun 2023.

Pada bulan Julai 2024, pihak AITI juga telah mengemaskinikan Buku Panduan Keselamatan Dalam Talian termasuk maklumat mengenai langkah-langkah untuk melindungi kanak-kanak dari kandungan yang tidak sesuai dengan peringkat umur.

Selain itu, *Brunei Computer Emergency Response Team (BruCERT)* melalui pelbagai inisiatif dan program juga berusaha untuk mendidik masyarakat mengenai amalan keselamatan siber yang betul dan cara melindungi daripada ancaman dalam talian.

Di samping itu, pihak CSB juga sedang giat berbincang bersama *International Telecommunication Unit ITU* untuk mengadakan bengkel dengan melibatkan agensi-agensi yang berkenaan dan bertujuan untuk mengubahsuai dan menggubal rangka kerja khusus bagi perlindungan kanak-kanak yang komprehensif dan lebih *actionable*.

Alhamdulillah, langkah-langkah yang telah kaola kongsiakan tadi adalah usaha-usaha yang berterusan dalam menangani penggodaman telefon pintar dan juga meningkatkan perlindungan kanak-kanak dalam medial sosial pada masa ini.

Pihak kaola sentiasa mengalu-alukan sebarang maklum balas dan cadangan dalam sama-sama berusaha

meningkatkan lagi keberkesanan usaha-usaha ini. Sekian, yang kaola sampaikan Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang keenam iaitu Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya persilakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan kaola juga ingin mengucapkan selamat menjalankan ibadah puasa kepada semua yang hadir di Dewan yang mulia ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Awang Muhammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann atas pertanyaan PL90 mengenai perancangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk membina prasarana sukan yang bertaraf antarabangsa sebagai persediaan negara menganjurkan sukan-sukan di peringkat antarabangsa mahupun serantau.

Untuk makluman Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, pembangunan prasarana sukan adalah merupakan satu aspek utama untuk memastikan Negara Brunei Darussalam terus maju dan kompetitif dalam arena sukan serantau dan antarabangsa.

Strategi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memfokuskan kepada memantapkan ekosistem sukan yang inklusif, mudah diakses, moden dan berdaya saing selaras dengan amalan terbaik antarabangsa serta mempunyai impak sosial yang positif kepada masyarakat.

Langkah utama dalam strategi ini melibatkan penambahbaikan kemudahan latihan dan pertandingan untuk menyokong kemajuan atlet ke tahap yang lebih tinggi. Secara dasarnya, penambahbaikan, pendekatan penambahbaikan dan penaiktarafan akan dilaksanakan secara berfasa dan berperingkat-peringkat mengikut keutamaan pelaburan jangka panjang, viabiliti, keselamatan serta peruntukan yang terancang dan berhemah.

Untuk memastikan pembangunan sukan yang mampan dan menyeluruh, Kementerian ini mengalu-alukan pendekatan yang segera, *whole-of-nation approach* dengan melibatkan pelbagai pihak termasuk sektor swasta dan syarikat berkaitan kerajaan *GLC* sebagai rakan strategik melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat, *CSR*, serta meneroka inisiatif kerjasama awam dan swasta, PPP, bagi menaiktaraf dan membangunkan prasarana sukan yang memenuhi Standard Piawaian Antarabangsa.

Kementerian ini melihat perkara ini melalui 3 pendekatan jangka masa:-

Pertama, pendekatan jangka masa pendek dalam mana pada masa ini, kementerian ini memberi tumpuan kepada pemeliharaan, penambahbaikan dan penggunaan optimum fasiliti sukan yang sedia ada. Keutamaan diberikan kepada memastikan kemudahan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para atlet dan masyarakat serta memenuhi piawaian asas bagi penganjuran kejohanan sukan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Antara kemudahan sukan yang telah pun dinaiktaraf secara berfasa dan mengikut piawaian antarabangsa melalui peruntukan RKN11 serta Peruntukan Tahunan Kementerian adalah termasuk Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Tutong, Trek Kompleks Sukan Temburong Batu Apoi, Stadium Tertutup dan Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah yang baru-baru ini menjadi *venue* kepada *Wushu Remaja Dunia ke-9* pada tahun 2024 yang mana melibatkan sejumlah 50 negara dan lebih 900 peserta;

Selain itu, Kementerian ini sedang giat membuat persediaan prasarana bagi Temasya Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN atau *ASEAN School Games (ASG)* yang dijangka akan berlangsung pada bulan November tahun ini; dan

Dalam jangka masa sederhana, kementerian ini juga turut meneliti keperluan menaik taraf atau membina prasarana sukan baru secara berfasa di

daerah-daerah tertentu tertakluk kepada keperluan, permintaan dan kedayatahan fiskal negara. Kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$15 juta dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini untuk pemeliharaan dan penyelenggaraan prasarana sukan.

Jadi secara kesimpulannya, kementerian ini kekal komited dalam memperkasa infrastruktur sukan negara bagi menyokong pembangunan atlet serta meningkatkan keupayaan Negara Brunei Darussalam dalam penganjuran acara sukan bertaraf antarabangsa. Kementerian ini juga memastikan pembangunan sukan akar umbi dan program sukan rekreasi akan terus diperkasa yang antara lain melalui Program Pembangunan Atlet Muda.

Sekian saja bagi menjawab persoalan PL90 Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang ke-7 iaitu soalan yang telahpun dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan saya persilakan Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih jua kepada Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee atas pertanyaan

[PL99] mengenai penganjuran acara sukan pelancongan tahunan di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien.

Pada menjawabnya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa menyokong dan menyambut baik inisiatif yang mempromosikan negara sebagai satu destinasi pelancongan sukan yang eksklusif, unik dan berdaya tahan.

Mengetengahkan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien sebagai lokasi acara sukan antarabangsa seperti *marathon* dan perlumbaan basikal sudah setentunya merupakan satu cadangan yang sangat dialu-alukan.

Selain menyemarakkan industri ekonomi dan pelancongan, acara sukan seperti ini sudah setentunya mempromosi gaya hidup sihat dan memberi impak positif kepada ekonomi negara serta dapat memperkukuhkan lagi perpaduan masyarakat di negara ini.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, satu jawatankuasa telahpun ditubuhkan untuk melaksanakan kajian terperinci dan penilaian lanjut mengenai kesesuaian termasuk keselarasan piawaian antarabangsa seperti dari sudut teknikal, dari sudut logistik dan juga dari sudut keselamatan, pelaksanaan dan pengendalian acara yang boleh dianggap acara yang besar seperti ini.

Apabila kesemua perkara ini nanti dipenuhi, maka satu kenyataan rasmi

Insya Allah akan dikeluarkan mengenai perkara ini. Sekian saja bagi menjawab soalan, PL99, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee. Terima kasih Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, kita telah pun mendengar pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan dan jawapan-jawapan telah pun alhamdulillah diberikan oleh menteri-menteri yang berkenaan. Sekarang kita beralih kepada urusan mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Rang Undang-Undang dan Usul Ketetapan Kumpulan Kemajuan, Perbahasan Dasar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada hari Sabtu yang lepas, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mengemukakan kenyataan Belanjawan bagi Rang Undang-Undang (2025) Perbekalan 2025/2026 dan Usul Ketetapan Kumpulan Wang Kemajuan 2025/2026.

Sekarang saya akan membukakan ruang bagi perbahasan peringkat dasar dimulakan oleh Ahli-Ahli Yang Dilantik. Saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat kepada peraturan mesyuarat yang mana perbahasan di peringkat ini perlu berhubung kait dengan dasar dan isu kandungan kenyataan Belanjawan. Had masa bagisetiap Ahli Yang Berhormat Yang

Dilantik adalah selama 15 minit setiap seorang.

Maka sekarang, saya ingin menjemput Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md Yusof. Silakan Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md Yusof: Bismillahir Rahmanir Rahim. [*Doa dibaca*] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu, kaola merakamkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan peluang kepada kaola untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan bagi Tahun Kewangan 2025/2026.

Kaola juga ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Alhamdulillah telah berjaya menyediakan dan seterusnya membentangkan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2025/2026 secara komprehensif, lebih strategik mengikut keutamaan dalam memperkukuhkan kewangan berorientasikan *economy driven, value of money* serta berhemah yang menjurus ke arah meningkatkan

kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk sekaligus memantapkan perekonomian negara.

Kaola menyokong sepenuhnya Belanjawan pada sesi Kewangan 2025/2026 bertemakan, "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur", sepertimana juga Belanjawan pada tahun-tahun yang sebelumnya yang dihasratkan bagi meneruskan apa jua projek-projek dan inisiatif-inisiatif sepertimana dalam perancangan strategik menuju ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Kaola berpendapat, apa yang paling mustahak dalam kita bersama-sama memastikan setiap perancangan atau program diimplementasikan mengikut rangka kerja dan jadual yang ditetapkan, bukannya terbengkalai tanpa sebarang tindakan. Pendekatan seperti ini bukan saja mengerat, menggerakkan perkembangan pelbagai aktiviti berparlimen tetapi juga dapat dinikmati dalam meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk yang menjurus kepada menambahbaikkan kemakmuran negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, senario cabaran-cabaran global seperti keadaan geopolitik yang tidak menentu dan apa jua sebarang cabaran masa kini dan masa mendatang sangat perlu diambil perhatian serta ditangani secara berperancangan strategik dan holistik bagi menilai sebarang risiko-risiko yang boleh berkemungkinan mendatangkan

impak kepada sosio perekonomian negara.

Dalam pengamatan kaola berkaitan dengan Belanjawan Negara yang dibentangkan, terdapat cabaran-cabaran utama yang dikenal pasti dari aspek berikut:-

Pertamanya, bagaimana tatacara meningkatkan lagi dan mengemaskini rancangan strategik dan pelan-pelan tindakan yang sedia ada supaya lebih progresif, efektif, efisien, kreatif dan inovatif bagi bersama-sama menjiwai ke arah menuju mempercepatkan kejayaan merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Dalam kesempatan ini, di Dewan Majlis ini seperti pembentangan Belanjawan Kewangan 2025/2026 daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan berkat kewibawaan dan kepimpinan bijaksana di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana pelbagai projek dan inisiatif-inisiatif yang bersungguh-sungguh diungkayahkan sehingga setakat tahun 2024 telah membuahkan hasil pencapaian kejayaan yang memberangsangkan untuk bersama-sama menuju ke arah perdana aspirasi Brunei 2035. Sepertimana yang kita sedia maklum,

oleh kerana hanya tinggal sepuluh tahun saja lagi, tempoh yang sangat singkat untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

Maka marilah kita semua sama-sama ke semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini, sama ada pihak Kerajaan, swasta dan *NGO* dan setiap individu yang bernaung di negeri ini akan sama-sama melipat gandakan usaha yang bersungguh-sungguh, berdedikasi, bekerjasama dengan berganding bahu, berinterigasi dalam bersama-sama peranan dan penuh bertanggungjawab bagi memastikan keberhasilan kejayaan Wawasan Brunei 2035.

Sepertimana juga dibentangkan dalam belanjawan 2025/2026, negara sekali lagi mengalami hambatan cabaran *fiscal deficit*. Sebagai contoh negara mencatatkan *fiscal deficit* \$2.42 bilion pada Tahun Kewangan 2023/2024 dan dijangka meningkat kepada \$3.1 bilion *deficit* bagi Tahun Kewangan 2025/2026. Jika *scenario deficit* berlarutan, malahan semakin bertambah adalah sangat-sangat membimbangkan dan berisiko tinggi misalnya berkemungkinan boleh menjejaskan tahap kesejahteraan, kebajikan serta kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini termasuk generasi yang akan datang.

Persoalannya sekarang, bagaimanakah kita menangani cabaran ini bagi mengimbangi defisit seperti negara, supaya negara dapat meneruskan membiayai pelbagai perbelanjaan projek, rancangan pembangunan dan lain peruntukan kewangan bagi memastikan

negara terus berkeupayaan ke arah perkembangan sosioekonomi yang lebih mampan dan *sustainable* demi memantapkan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sekaligus *survival* generasi yang masa akan datang.

Dalam hal ini kaola percaya dan bekeyakinan pihak-pihak berkepentingan khususnya Kementerian Kewangan dan Ekonomi sentiasa mengamat-amati dan mengambil perhatian mendalam serta mengorak langkah yang lebih strategik, lagi komprehensif dengan terus mengadakan kajian, penelitian, *mereview*, penganalisaan dan seterusnya menyediakan kerangka dasar dan pelan-pelan tindakan yang berstrategik lagi berwawasan sebagai contoh *Fiscal Consolidation Plan* khususnya membuat *structure reform* terhadap *fiscal planning* menjurus kepada *fiscal prudence*, meningkatkan produktiviti, penjimatan perbelanjaan, penjanaan hasil dan *fiscal sustainability*.

Dalam hubungan ini kaola berpendapat dalam usaha penjanaan hasil kerajaan, agensi-agensi yang berkepentingan sepatutnya lah juga bersama-sama berperanan dalam mengkaji sepenuhnya, *mereview* dan mengkemas kini pembayaran atau caj perkhidmatan yang dikenakan di samping mengambil kira jangan sampai membebankan kepada golongan-golongan yang tidak berkemampuan dan *vulnerable*.

Ini termasuk juga pembayaran *outstanding* yang perlu dilunaskan dan

dipastikan untuk dikutip dengan cara berkesan. Mengenakan semula lesen-lesen perniagaan sebelum ini di bawah kawalan Jabatan-Jabatan Daerah dan Jabatan Bandaran dengan kadar yang munasabah di samping bertujuan mengawal premis-premis perniagaan supaya patuh kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di negara ini.

Kaola juga pernah menimbulkan dalam Majlis Mesyuarat Negara yang lalu, berhubung dengan Sistem Pencukaian Bangunan pada masa ini di bawah kawalan Jabatan Bandaran untuk *direview* dan diselaraskan dengan *standard* pencukaian dan *best practice* yang diamalkan di negara-negara ASEAN. Ada baiknya perkara ini, iaitu untuk seperti *property tax*, ada baiknya perkara ini diberi keutamaan dan dipercepatkan dan kaola dimaklumkan perkara ini masih lagi dalam pertimbangan.

Menyentuh perancangan perekonomian adalah dimaklumi sebagaimana digariskan dalam *blueprint economy* telah mengenal pasti keutamaan strategi dalam memperkasakan 5 sektor teras utama hiliran minyak dan gas, permakanan, pelancongan, teknologi dan infokomunikasi sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi untuk menuju pembangunan dan kepelbagaian ekonomi negara dengan tidak bergantung kepada semata-mata kepada industri minyak.

Adalah diambil maklum bahawa dengan berkat usaha dan inisiatif yang gigih lagi komitmen berterusan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Negara Brunei Darussalam melalui pihak-pihak agensi yang berkepentingan, alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala telah membuahkan hasil pencapaian yang memberangsangkan dengan pertumbuhan KDNK yang dicatatkan kadar 4.2% pada tahun 2024.

Begitu juga sumbangan KDNK sektor bukan minyak dan gas telah meningkat kepada lebih 50% sejak tahun 2022 dibandingkan dengan sekitar 40% pada tahun 2020.

Walau bagaimanapun, kita haruslah juga mengambil perhatian serius dan tindakan-tindakan yang progresif terhadap cabaran-cabaran dalam menangani bagaimanakah lagi tatacara memperkesakan dan memantapkan keutamaan strategi yang telah digariskan dalam *Economic Blueprints* mampu menyumbangkan kepada peningkatan kadar pertumbuhan ekonomi dan keluaran dalam negara dan antaranya seperti berikut:-

Pertama, menerokai aktiviti pertumbuhan masa depan baharu serta berterusan untuk memajukan lagi ekonomi negara;

Kedua, melebarluaskan asas eksport khususnya dalam sektor bukan minyak dan gas untuk dipelbagaikan ekonomi; dan;

Ketiga, mewujudkan aktiviti-aktiviti nilai tambah yang tinggi dengan memantapkan teknologi dan inovasi baharu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Adalah tidak dapat dinafikan dari segi berkembang pesat sains dan teknologi, inovasi khususnya perkembangan era telekomunikasi dan *Artificial Intelligence* AI. Walau bagaimanapun, kaola berpendapat dalam menyediakan peruntukan yang terhad, kita sepatutnya juga mengimbangi di antara projek *digital ICT* atau projek teknologi tinggi atau keperluan projek-projek infrastruktur yang asas yang sangat-sangat diutamakan dan diperlukan bagi memenuhi kehidupan, kesejahteraan dan kemaslahatan masyarakat di negara ini.

Apa yang kaola maksudkan di sini sepatutnyalah diadakan penganalisaan yang komprehensif dan diteliti di aspek *priority, cost benefit analysis*, keberkesanan penggunaan dan impaknya kepada negara.

Ini adalah bertujuan bagi kita sama-sama memastikan peruntukan kewangan itu *dioptimize* sepenuhnya dengan mengutamakan yang dapat mendatangkan impak yang signifikan, bukan saja kepada kemajuan negara malahan boleh dinikmati oleh segala rakyat dan penduduk di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Adalah juga

sangat penting bagi menggerakkan dan memperluaskan lagi aktiviti perekonomian dan perniagaan, kaola berpendangan agensi-agensi yang berkepentingan hendaklah bertindak yang bertindak selaku pemulih cara dan *regulator*, semestinyalah melaksanakan transformasi-transformasi untuk meningkatkan prestasi dan penambahbaikan perkhidmatan-perkhidmatan dan ekosistem perniagaan yang lebih kondusif, *friendly*, *efficient*, *effective* dan menyegerakan urusan-urusan yang berkaitan selaras dengan *Ease of Doing Business* di Brunei Darussalam.

Ini termasuklah juga infrastruktur dan utiliti, serta *connectivity* komunikasi yang berkualiti serta kemudahan-kemudahan yang sepatutnya dan selayaknya diberikan kepada pihak-pihak yang berkeinginan untuk tinggal di negara ini lebih lama supaya lebih *stable* dan juga selamat.

Dengan pendekatan sedemikian ini, insya Allah negara akan berupaya menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur asing serta peniaga-peniaga sama ada untuk memajukan dan mengembangluaskan lagi aktiviti perniagaan dan usaha di negeri ini.

Ini sudah setentunya boleh mendatangkan *spin-off effect* yang signifikan seperti pelbagai-pelbagai industri hiliran dan menambahkan berbagai perkhidmatan, lebih banyak peluang pekerjaan, menambahkan lagi

pendapat di kalangan peniaga-peniaga dan masyarakat setempat di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam pemerhatian kaola sesuatu projek khususnya di bawah Rancangan Kemajuan Negara malahan yang di bawah peruntukan khas dan berulang-ulang di mana perbelanjaan mengenainya adalah kadangkala bertambah daripada anggaran peruntukan asalnya di mana peruntukan tambahan dipohonkan melalui *variation order*.

Dalam situasi ini, apakah langkah-langkah atau tindakan Kementerian Kewangan dan Ekonomi supaya budaya permohonan *variation order* ini seboleh-bolehnya dielakkan kecuali sangat-sangat diperlukan kerana ianya menyalahi peruntukan tambahan kerajaan yang tidak termasuk dalam peruntukan ditetapkan.

Ini menyebabkan perbelanjaan kerajaan semakin meningkat dan berpotensi menjejaskan projek-projek atau perbelanjaan kerajaan yang lebih diutamakan dan diperlukan. Cara atau tindak seperti ini, adalah bertentangan dengan prinsip berhemah dan berjimat cermat.

Kaola berpandangan setiap projek semestinyalah membuat perancangan yang terperinci termasuk juga contohnya diambil perhatian dari perbelanjaan *contingency*, *forecasting* kenaikan harga, *material*, *unforeseen expenses* dan lain-

lain. Setiap agensi hendaklah bertanggungjawab dan *accountable* terhadap perkara ini, insya Allah dengan kaedah sedemikian ini kita sebolehnya mengelakkan *a variation order* ini kerajaan akan dapat menjimatkan perbelanjaan berjuta-juta ringgit di samping berusaha menerapkan jiwa berjimat cermat dan integriti di kalangan perkhidmatan awam.

Projek RKN yang telah diluluskan peruntukannya sepatutnya dilaksanakan mengikut rangka kerja dan masa ditetapkan tetapi apa yang kaola lihat dan mendukacitakan seperti projek Pusat Kesihatan Pandan yang sangat diperlukan bagi memberikan perkhidmatan kesihatan asasi kepada masyarakat setempat tidak dapat dilaksanakan, walaupun ia termasuk dalam RKN-11. Apakah sebabnya pusat kesihatan tersebut tidak dapat dilaksanakan sedangkan tujuannya adalah untuk mendatangkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat penduduk.

Akhirnya marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan kerahmatan bulan Ramadan ini semoga belanjawan ini akan mencapai sasaran yang dihasratkan semata-mata bagi meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan serta penduduk negara ini, sekaligus memantapkan lagi kemajuan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam.

Sekian Wabillahi taufik walhidayah
Assalamualaikum warahmatullahi

wabarakatuh. Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim:

Bismillahir Rahmanir Rahim (*Doa dibaca*).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara.

Assalamualaikum warahmatullah dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-pertua kerana memberi laluan untuk kaola membahaskan Rang Belanjawan Tahun Kewangan 2025/2026.

Pertama-tama, izinkan kaola merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan pada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II di atas pembentangan Belanjawan Tahun Kewangan 2025/2026 yang begitu komprehensif.

Alhamdulillah, kaola berpendapat kertas belanjawan ini dan kenyataan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Menteri adalah cukup padat, luas, informatif dan terperinci. Ianya meliputi hampir kesemua aspek-aspek utama

khususnya ke arah menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan, dinamik dan inklusif, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta memelihara keamanan dan kemakmuran negara terutamanya dalam usaha menuju matlamat Wawasan Brunei 2035.

Kaola terlebih dahulu ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah menghasilkan pencapaian yang sangat menggalakkan terutamanya dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dalam sektor bukan minyak dan gas.

Begitu juga dalam pencapaian prestasi institusi pendidikan tinggi, penilaian *PISA* dan kadar pencapaian dalam literasi dan numerasi dan kedudukan negara yang dikategorikan sebagai negara yang mempunyai *very high human development*. Kita juga bersyukur yang negara juga telah dapat mengurangkan tahap pengangguran pada kadar 48% pada waktu ini dan setakat ini telah mempunyai 26 buah *FDI* yang sedang beroperasi manakala 15 *FDI* lagi masih dalam fasa perlaksanaan.

Tidak syak lagi jika inisiatif-inisiatif ini berjalan seperti yang dirancang, ianya akan memberikan impak yang meluas dan *across the board* pada meningkatkan lagi taraf kehidupan dan kesejahteraan rakyat serta penduduk negara ini di bawah pimpinan bijaksana dan berwawasan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Insya Allah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola perhatikan jumlah peruntukan yang disediakan pada Tahun Kewangan 2025/2026 ini tidaklah banyak berbeza dari jumlah pada belanjawan yang lepas iaitu kenaikan sebanyak \$100 juta secara menyeluruh walaupun jumlah yang disediakan bagi peruntukan RKN dalam belanjawan ini berkurangan sebanyak \$20 juta.

Ini memang kaola maklumi memandangkan pada Tahun Kewangan 2025/2026 ini negara masih diramal mengalami defisit sebanyak \$3.1 billion, yang mana negara perlu meneruskan dasar *growth-friendly fiscal consolidation*-nya. Kaola rasa inilah salah satu cabaran utama yang perlu kita tangani secara bersepadu *collectively* kerana keterhadan fiskal ataupun kemampuan kewangan kerajaan ini juga menjadi salah satu penentu untuk kita melaksanakan program-program kemajuan yang lebih meluas di masa yang akan datang bagi berterusan menghasilkan ekonomi yang mampan, dinamik dan inklusif.

Ke arah itu izinkanlah kaola memberikan sedikit pandangan untuk penelitian dan pertimbangan sebagai usaha kaola untuk menyokong dan mendukung dasar kerajaan khususnya bagi menghasilkan pertumbuhan ekonomi yang mampan *sustainable* dan inklusif termasuk dalam usaha mengurangkan kadar

pengangguran dan kadar kemiskinan dan lain-lain.

Kaola secara peribadi menyokong sepenuhnya Tema Belanjawan 2025/2026 ini iaitu "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur," ianya menggambarkan komitmen berterusan negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 yang berteraskan falsafah negara Melayu Islam Beraja. Begitu juga dalam fokus yang dibentangkan terutamanya dalam meningkatkan kesejahteraan dan produktiviti awam, memupuk kepelbagaian ekonomi yang mampan dan pembangunan modal insan yang dinamik dan berwawasan.

Alhamdulillah, kaloa penuh percaya strategi-strategi dan inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan oleh kerajaan ini, Insya Allah akan menghasilkan lebih banyak lagi kejayaan negara ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Walau bagaimanapun sebagai cadangan tambahan ke arah meningkatkan lagi pertumbuhan yang *sustainable*, dinamik dan inklusif, kaloa berpendapat pelaksanaan Belanjawan Tahun 2025/2026 ini perlulah dilihat dari dimensi yang lebih fokus kepada melaksanakan secara efektif strategi-strategi yang mempunyai impak yang luas, signifikan dan berpanjangan, *long lasting*, khususnya yang akan dapat mempercepatkan lagi transformasi struktur dan landskap ekonomi negara secara holistik. Untuk itu, pada hemat kaloa salah satu kunci utama bagi

memenuhi sasaran ini yang perlu segera kita tangani ialah ke arah mengemaskini dan menambah baik *critical success factors* dalam memudah cara dan mempercepatkan lagi perkembangan ekonomi domestik seiring dengan usaha menarik lebih banyak lagi *FDI* yang baru dalam lima kluster yang telah dikenal pasti.

Kaola menyedari bahawa banyak usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam memperbaiki ekosistem perniagaan pada ketika ini, namun sebagai nilai tambah kaloa berpendapat masih terdapat ruang untuk menambah baik dan mengemaskinkan lagi ekosistem perniagaan ini supaya ianya lebih kondusif, perseptif, sejajar dan inklusif kerana kita semua pun menyedari bahawa ekosistem perniagaan ini adalah satu pra syarat utama ke arah menjadikan ekonomi yang mampan, dinamik dan inklusif dan sering ditimbulkan oleh para peniaga atau pengusaha tempatan sebagai salah satu cabaran mereka untuk mengembangkan dan memajukan perniagaan mereka termasuk dalam usaha ke arah meningkatkan lagi *local business development*.

Pengemaskinian dan penambahbaikan ekosistem perniagaan ini, insya Allah bukan sahaja akan memberikan isyarat positif kepada para peniaga/pengusaha tempatan untuk menambah pelaburan domestik mereka malahan ianya juga boleh bertindak sebagai pemangkin pada

usaha menarik lebih banyak *FDI* baru ke negara ini.

Kaola penuh percaya dengan izin Allah, inisiatif ini akan dapat membuahkan *sustainable* dan *inclusive economic growth* kerana kesannya akan dapat dirasakan oleh rakyat dan penduduk negara ini melalui lebih banyak lagi perniagaan dan perusahaan tempatan akan tumbuh berkembang seiring dengan aktiviti yang dibawa oleh pelaburan langsung asing.

Ini Insya Allah akan membuka lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan baru yang berkualiti khususnya bagi belia-belia tempatan sekaligus akan mengurangkan kadar *labour underutilization* dan dalam waktu yang sama membantu mengurangkan graduan-graduan yang *underemployed*, bilangan golongan yang memohon bantuan di samping akan meningkatkan *purchasing power* khususnya golongan berpendapatan sederhana dan rendah yang akan dihasilkan oleh kesan limpahan dari kecerdasan aktiviti-aktiviti ekonomi ekoran dari penambahbaikan peraturan dan dasar ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam konteks negara kita yang masih bergantung kepada *single and unsustainable source of revenue hydrocarbon*, usaha mempelbagaian ekonomi adalah agenda utama yang perlu untuk dilaksanakan secara progresif sebagai komponen penting bagi memastikan kesejahteraan dan kemampanan ekonomi negara. Lebih-lebih lagi dalam keadaan *geopolitic*

global yang tidak menentu dan berterusan mencabar termasuk yang dibawa oleh arus kemajuan dan transformasi teknologi maklumat yang semakin pesat seperti *artificial intelligence* dan *cybersecurity*, peralihan lanskap tenaga dan risiko-risiko realiti iklim baru.

Ke arah merealisasikan hasrat ini, kaola berpendapat salah satu opsyen yang boleh kita teliti dan pertimbangkan ialah dengan mengukuhkan lagi peranan dan memperluaskan penggunaan dana *Strategic Development Capital* yang setakat ini telah berjaya menarik beberapa *FDI* yang berskala besar dan signifikan ke negara ini. Saranan ini kaola ajukan dengan mengambil kira keadaan fiskal negara ketika ini di samping strategi telah terbukti membuahkan hasil positif, bukan sahaja di negara ini malahan di sebilangan negara-negara pengeluar minyak lain yang menggunakan sebahagian *general reserve fund* mereka untuk mempelbagaikan ekonomi domestik masing-masing.

Kewangan di bawah dana *SDC* ini adalah dana yang disediakan secara *non-government budget*. Ia khusus hanya akan digunakan bagi membiayai pelaburan domestik secara spesifik antaranya bagi tujuan meneruskan perluasan asas *industries* dan *commercial* bagi mempelbagaikan ekonomi negara dalam kluster-kluster strategik yang telah dikenal pasti. Sumber dana ini juga boleh digunakan bagi membangun projek-projek yang

boleh meluaskan asas hasil pendapatan kerajaan serta untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti bagi anak tempatan.

Dana *Strategic Development Capital* ini juga boleh menjadi pemangkin (*catalyst*) bagi menarik pelaburan langsung asing seperti yang telah dilaksanakan bagi projek *petrochemical* Pulau Muara Besar dan Brunei Fertilizer Industries yang terbukti telah berjaya meningkatkan pertumbuhan positif KDNK dan eksport negara dalam sektor bukan minyak dan gas dan sekaligus berjaya menurunkan kadar pengangguran negara kepada kadar 5.2% pada tahun 2022 apabila projek-projek tersebut mula beroperasi.

Di samping itu, dana ini juga boleh digunakan bagi menyediakan menaik taraf infrastruktur untuk membolehkan pengusaha tempatan dan *FDI* akan dapat beroperasi secara *plug-in*. Ia juga boleh bertindak sebagai payung *umbrella* kepada perkembangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana dengan cara mengadakan akses kepada model kewangan dan *mentorship* bagi meningkatkan pengetahuan teknikal, teknologi, *managerial*, pemasaran, kewangan dan *digitalization development*.

Ke arah itu, penglibatan semua *stackholders* termasuk syarikat milik kerajaan yang setakat ini telah dapat menyumbang pada pendapatan negara dan pembukaan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan juga para usahawan tempatan perlu

diperkukuhkan bagi mendokong dan menyokong dasar ini sebagai mempraktikkan amalan *Whole-of-Nation approach*.

Institusi bagi pelaksanaannya termasuk sistem perbankan komersial tempatan yang mencatatkan keuntungan yang mengalakkan dengan aset dan kriteria yang kukuh telah pun tersedia yang sepatutnya boleh mendukung projek-projek domestik yang *feasible* and *viable*. Yang utama ialah pengemaskinian dasar dan peraturan yang membolehkan pelaksanaan inisiatif ini dapat dibuat dengan lebih cepat, teratur secara *integrated* dan *coordinated* dengan memperbaiki process *delivery* dengan fokus kepada *ease of doing business* tanpa menjejaskan *governance* tadbir urus.

Di samping itu, isu penyejajaran dan kesepaduan juga perlu ditangani secara saksama melalui a *Whole-of Government* dan a *Whole-of-Nation approach*. Bagi menyejajarkan dengan matlamat ini, peraturan *Local Business Development* bagi meningkatkan lagi penglibatan usahawan tempatan, terutamanya Perusahan Mikro, Kecil dan Sederhana adalah disarankan untuk diperkukuhkan dan dikemaskinian supaya kesan limpahan ataupun *spin off* dari aktiviti *FDI* ini dapat dimanfaatkan dan dirasai oleh para peniaga dan pengusaha tempatan ini.

Begitu juga dasar imigresen dan buruh juga bersesuaian diteliti dengan saksama, terutamanya dalam memudah

dan mengalakkan lebih banyak lagi usahawan tempatan berganding bahu dengan pelabur eksekutif yang berkemahiran dan *talented professional* untuk menjadikan negara ini sebagai tapak *base* mereka untuk menjalankan *business*. Tidak kurang pentingnya juga bursa saham negara akan disegerakan penubuhannya bagi menyediakan platform memberikan peluang ataupun pilihan pelaburan kepada rakyat dan penduduk di negara ini untuk turut serta dalam pembangunan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola menyedari bahawa saranan-saranan ini memang mempunyai cabaran-cabaran yang tertentu untuk dilaksanakan. Namun, ia bukanlah perkara yang mustahil untuk diusahakan. Pra-syarat dan *critical success factors* seperti penyediaan kukuh *inter-ministry*, *human resource development*, *institutional development* dan lain-lain, kaola percaya telah pun diteliti *cost-benefit* dan impaknya oleh agensi-agensi yang berkepentingan.

Contoh kajian usaha-usaha ini telah pun ada di hadapan kita seperti pelaksanaan projek-projek industri hiliran yang telah berjaya menyokong inisiatif mempelbagaian ekonomi negara. Model pelaksanaan seperti ini sepatutnya diambil iktibar dan boleh di *fine-tuning* bagi menyelaraskannya dengan perkembangan dan teknologi semasa bagi kluster-kluster lain yang telah dikenal pasti. Yang penting ialah hala tuju yang jelas ekosistem perniagaan yang kondusif dan mesra *business* dan

dasar serta peraturan yang telus ke arah menggalakkan dan memudahkan bisnis untuk berkembang.

Sekianlah dahulu pandangan menyeluruh kaola berkenaan belanjawan tahun 2025/2026 yang dibentangkan dengan mengambil sukut bulan Ramadan yang mubarak ini, kaola berdoa semoga belanjawan ini akan mencapai objektifnya sebagai pelaburan masa depan yang akan berterusan meningkatkan kemakmuran negara dan dapat memperbaiki kehidupan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk masa kini dan akan datang, insya Allah. Ke arah itu, kaola menyokong sepenuhnya belanjawan 2025/2026 ini.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan memudahkan semua urusan kita dan memberkati usaha pucuk pimpinan dan kita semua selaku rakyat dan penduduk negara ini untuk menjadikan negara ini berterusan sebagai negara zikir yang aman makmur dengan mendapat keredaan Allah Yang Maha Pengampun dengan rakyat dan penduduknya sentiasa dalam kesejahteraan dan kebahagiaan di bawah pimpinan bijaksana dan prihatin Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sekian, kaola mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat berpuasa. Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim
(*Doa dibaca*)

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. yang terhormat yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kaola lebih dahulu ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah memberi kesempatan kepada kaola untuk ikut serta dalam perbahasan Rang Undang-Undang Belanjawan Tahun 2025/2026.

Kaola juga mengucapkan berbilang terima kasih atas pembentangan belanjawan Tahun Kewangan 2025/2026 dengan tema "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur" oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang komprehensif dan jelas mengenai hala tuju peruntukan kewangan kementerian-kementerian bagi Tahun Kewangan 2025/2026, dengan penekanan kepada beberapa tajuk utama di kementerian-kementerian yang mana peruntukan yang diberikan diharap mempunyai impak ketara dalam usaha kita mentransformasi ekonomi dan sebagai langkah strategik yang berterusan ke arah mencapai matlamat

Wawasan Brunei 2035. Kaola menyokong sepenuhnya belanjawan yang telah pun dibentangkan dengan tema yang telah pun dinyatakan iaitu, "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur."

Kaola amat bersyukur walau dalam keadaan di mana pendapatan negara turut terjejas oleh ketidakstabilan harga komoditi, pergolakan politik dunia seperti peperangan, sekatan perdagangan, tarif dan sebagainya, Negara Brunei Darussalam masih mampu menyediakan peruntukan sebanyak \$6.3 bilion secara keseluruhan untuk meneruskan agenda pembangunan menuju wawasan negara 2035. Walau bagaimanapun, kaola mengambil maklum jua akan fiskal defisit negara yang dijangka menjangkau \$3.2 bilion pada tahun ini.

Kaola mengucapkan tahniah kepada seluruh jentera kerajaan yang terus berusaha dengan gigih bagi mencapai visi dan misi kementerian masing-masing untuk mencapai transformasi dan peralihan yang ketara, menaikkan status negara seiring dengan negara-negara yang lain.

Adalah diharapkan dengan peruntukan yang diberikan, kesemua-semua kementerian akan berfungsi dengan efisien, berupaya terus melaksanakan apa yang mereka telah rancang, berbelanja dengan berhemah, tidak membazir dan mencapai objektif-objektif yang mereka kehendaki. Untuk itu, kita memerlukan setiap penjawat awam berdedikasi, berdisiplin, berpengetahuan, efisien dan patuh

dalam apa jua arahan dan usaha kementeriannya.

Di samping itu kaola berpendapat, perlu ada pemantauan di peringkat tertinggi agar usaha tranformasi dan pelbagaian ekonomi oleh semua kementerian adalah *on the same page* dan sejajar. Apa yang dilihat ialah masih kurangnya pensejajaran di kalangan kementerian disebalik seruan bagi pendekatan *whole-of-nation* dan *whole-of-government*. Antara lain sebab dan penyebabnya ialah penggunaan peruntukan tidak dimanfaatkan sepenuhnya bagi mencapai objektif peruntukan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kaola mengalu-alukan peruntukan sebanyak 5 Bilion Dua Ratus Sembilan Puluh Juta Ringgit dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Kewangan 2025/2026 bagi kementerian-kementerian. Kaola berharap selain daripada pembayaran gaji kakitangan dan perbelanjaan operasi untuk memastikan kelicinan fungsi jentera kerajaan, peruntukan dapat disalurkan bagi membiayai beberapa inisiatif dan projek yang penting, yang berpotensi mempelbagai dan mentransformasi ekonomi.

Kaola menyambut baik kejayaan dalam bidang pendidikan seperti peningkatan dalam *ranking* semua institusi tinggi di negara ini. Begitu juga pencapaian pelajar kita dalam PISA yang menunjukkan peningkatan. Adalah diharapkan semua pencapaian dapat dipertahankan di masa akan datang dan

menjadi *capital* iaitu modal untuk negara kita dalam usaha kita mencapai status negara maju.

Sebab itu dalam pandangan kaola situasi seperti dalam laporan Job Centre Brunei 2022, dimana sebanyak 2,760 pencari kerja di kalangan graduan *first degree and above* berbanding dengan hanya 311 jawatan yang ada, tidak sepatutnya berlaku. Kaola menyarankan agar usaha meningkatkan pencapaian pendidikan disertai juga dengan perkembangan ekonomi agar mereka ini dapat diabsorb dalam *job market*.

Setiap tahun institusi-institusi tinggi di negara ini akan mengeluarkan graduannya dan setentunya akan mencari pekerjaan, tetapi jumlah pekerjaan yang ada tidak dapat menampung pencari kerja dalam kalangan mereka. Kita juga melihat tren yang ada sekarang, dimana seperti dalam kajian bahawa 70% tenaga kerja keseluruhannya adalah bekerja di sektor swasta. Kaola rasa ini adalah satu tren yang positif. Ini bererti mereka tidak memilih untuk hanya bekerja dengan kerajaan semata-mata tetapi bersedia bekerja di sektor swasta.

Soalnya, adakah kita berupaya menyediakan pekerjaan di sektor swasta seperti di industri minyak dan gas, agromakanan, pelancongan, industri binaan, industri pembuatan, perniagaan kecil dan sederhana dan lain-lain. Sektor swasta memerlukan pemacu kepada pertumbuhan dalam ekonomi dan kita bersama-sama berperanan untuk

memastikan perkembangannya tetapi adakah infrastruktur yang ada termasuk undang-undang dan peraturan yang berjalan membantu ke arah pertumbuhan ekonomi, pertumbuhan sektor swasta di negara ini.

Dalam industri agromakanan sebagai contoh, adakah peruntukan untuk memajukan bidang pertanian mencukupi dan disokong dengan peruntukan mengadakan kemudahan *infrastructure* seperti bekalan air, bekalan elektrik, saliran, pemasaran, pembentungan, subsidi, kewangan, *research* dan *development* yang kaola rasa agak amat penting dan sebagainya untuk industri pertanian berkembang maju.

Alhamdulillah dalam pembentangan Yang Berhormat Pehin Menteri ada menyatakan peruntukan untuk membantu industri permakanan di negara ini seperti bagi pengeluaran padi, ternakan dan lain-lain. Adalah diharapkan bahawa peruntukan yang ada itu dapat digunakan dalam masa yang dekat ini supaya pihak peladang misalnya tidak akan kekurangan air dan sebagainya, seperti yang dialami mereka sekarang.

Begitu juga industri pelancongan yang memerlukan destinasi dan pakej yang menarik, kemudahan pengangkutan awam yang efisien, tempat penginapan, tempat makan dan sebagainya. Kalau kita bandingkan dengan kemudahan pelancongan di tempat-tempat lain, mungkin kita masih banyak untuk yang hendak kita buat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kaola berpendapat disinilah *litmus test* kejayaan atau kegagalan belanjawan kita dalam mentransformasi ekonomi iaitu sejauh mana ia merangsang sektor swasta untuk berkembang. Sejauh mana kita berupaya menarik lebih banyak pelabur langsung asing ke negara ini, sama ada melalui *direct investment*, *joint ventures*, *PPP Public-Private Partnership* dengan memberi insentif yang menarik.

Dan sejauh mana ia dapat mewujudkan pekerjaan-pekerjaan baru (*creating jobs*) dan menambah baik kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini. Belanjawan yang baik ialah belanjawan yang responsif kepada keperluan negara masa kini iaitu ekonomi yang berkembang, peluang pekerjaan yang bertambah, kesejahteraan rakyat dan penduduk yang meningkat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kaola mengalu-alukan peruntukan bagi meningkatkan keselamatan jalan raya. Ini adalah sebagai usaha berterusan pihak Kerajaan agar kemudahan awam seperti ini sentiasa mendapat perhatian agar jalan raya kita selamat dan selesa digunakan. Begitu juga dengan usaha kerajaan menangani masalah banjir di kawasan-kawasan yang rendah terus diberi perhatian bagi keselamatan dan keselesaan masyarakat setempat.

Menyentuh mengenai dengan penjagaan kesihatan, Alhamdulillah Negara Brunei Darussalam telah berada, kekal berada dalam kategori yang mempunyai *very*

high human development index dan kita bersyukur bahawa kerajaan terus menyediakan peruntukan yang besar kepada Kementerian Kesihatan bagi penjagaan kesihatan di negara ini yang pada tahun ini sebanyak \$652,539,901.

Kaola berharap dengan peruntukan sedemikian, Kementerian Kesihatan akan mampu meningkatkan *infrastructure* dan kemudahan serta menambah pakar doktor jururawat dan kakitangan yang mencukupi di hospital-hospital dan klinik-klinik di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam menggulung perbelanjaan belanjawan, dalam Penggulung Pembentangan Belanjawan 2025/2026, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II memberi gambaran yang positif akan masa hadapan negara dimana matlamat-matlamat dalam Wawasan Negara 2035 akan dapat kita capai. Kaola berdoa agar semua yang dirancang akan mendatangkan hasilnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kaola sekali lagi mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kesempatan untuk ikut serta dalam perbahasan ini dan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II atas Pembentangan Undang-Undang Perbekalan yang kaola yakin jika kita tunduki bersama-sama akan mendatangkan hasil yang kita hajatkan, Amin ya rabbal alamin.

Sekian sebelum mengundur diri kaola mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada semua yang berada di dewan ini kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua hadirin di dewan yang mulia ini.

Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam:
Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. (*Doa dibaca*)

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh dan salam sejahtera.

Awal kalam, kaola ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana peluang yang diberikan untuk kaola ikut serta membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2025/2026 bagi Tahun Kewangan 2025/2026.

Kaola juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan komprehensif mengenai Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2025/2026 yang sangat berinformasi dan terperinci

meliputi pelbagai skop keutamaan negara yang meliputi pencapaian-pencapaian, hala tuju dan juga tumpuan strategik yang begitu jelas menunjukkan fokus utama kerajaan untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan, dinamik dan berdaya saing demi untuk memantapkan sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat serta mengembang majukan negara ke tahap yang lebih mampan dan berdaya tahan selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Kaola menyambut baik dan menyokong penuh Rang Belanjawan tersebut sesuai dengan tema "Membina Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur" yang membuktikan membuktikan komitmen dan keprihatinan tinggi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat serta penduduk di negara ini, agar terus hidup dalam keadaan aman dan makmur, berkemahiran tinggi serta berdaya saing di bawah kepimpinan bijaksana baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, kaola mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat di dalam dewan yang mulia ini, terhadap satu aspek penting yang pada pandangan kaola kurang diberikan penekanan di dalam B Pembentangan Belanjawan tersebut iaitu berkaitan dengan kumpulan-kumpulan *marginalised* seperti golongan wanita dan Orang-

Orang Kurang Upaya serta isu kemiskinan.

Apakah status terkini tahap kemiskinan di negara ini? Adalah penting inisiatif-inisiatif berkaitan kumpulan-kumpulan ini serta perkembangan terkini mengenainya, dikongsikan untuk pengetahuan bersama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah kaola bersyukur atas limpah rezeki yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala ke atas negara yang kita cintai ini. Dengan jumlah Belanjawan negara sebanyak \$6.35 bilion yang diperuntukkan bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2025/2026 menunjukkan peningkatan secara am pada keseluruhan belanjawan berbanding tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun, kita harus berhati-hati dan sentiasa beringat, kerana hasil negara yang dianggarkan bagi Tahun Kewangan ini adalah \$3.26 bilion yang menunjukkan unjuran defisit yang tinggi, iaitu \$3.1 bilion, berbanding \$2.42 bilion pada Tahun Kewangan 2023/2024 yang lalu.

Perkara ini harus menjadi kebimbangan kepada semua pihak dan meskipun dengan kadar pertumbuhan ekonomi yang dijangkakan bagi tahun ini, semua pihak di sektor swasta, di sektor kerajaan dan swasta, mestilah sama-sama berganding bahu menjadikan perkembangan ekonomi sebagai fokus utama untuk sentiasa diberikan perhatian.

Kaola jua mendapati bahawa, pengagihan Belanjawan bagi Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-12 menunjukkan penurunan yang signifikan sejak beberapa pusingan RKN yang lalu. Negara masih memerlukan pelaburan tinggi untuk membangunkan infrastruktur sedia ada bagi menyokong dan mengembanguaskan industri-industri yang menjadi keutamaan dalam menjana ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi serta seperti pembuatan makanan, pelancongan, *ICT* dan perkhidmatan-perkhidmatan.

Disamping itu, pelaburan dalam melaksanakan penyelidikan-penyelidikan yang berfokus yang menjurus ke arah peningkatan hasil negara, juga pada pandangan kaola perlu dipertingkatkan dan diberikan keutamaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di sudut lain pula, kaola mengambil maklum bahawa secara am, peranan dan sumbangan kementerian-kementerian kepada hasil negara adalah berbeza. Oleh kerana itu, Peruntukan Belanjawan Kementerian-Kementerian bagi Tahun Kewangan ini, adalah bervariasi dari segi peningkatan dan penurunannya berbanding peruntukan pada Tahun Kewangan sebelumnya.

Kaola berpandangan adalah perlu untuk mempertimbangkan peruntukan yang lebih besar kepada kementerian-kementerian tertentu yang bertanggungjawab dan dikenal pasti berpotensi besar untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan sekaligus

menjana hasil pendapatan negara yang lebih signifikan.

Kaitan dengan itu, penekanan kepada industri-industri utama yang digariskan di dalam *Brunei Economic Blueprint* serta seperti sektor pelancongan dan sektor makanan termasuk SMEs perlu diberikan perhatian khusus dan sokongan menerusi Belanjawan yang tinggi. Ini tidak bermakna kita akan mengabaikan kementerian-kementerian yang lain, tetapi kita perlu memastikan bahawa peruntukan Belanjawan dilaksanakan dengan lebih efek efisien dan lebih efektif serta memastikan bahawa sumber daya yang ada digunakan secara optimum untuk macam mencapai matlamat pembangunan negara ekonomi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah, kadar pengangguran menurun pada kadar 4.8% pada tahun 2024 berbanding 5.2% di tahun 2023. Meskipun menurun, masih ramai tenaga kerja yang bekerja secara sementara dan secara sambilan serta mereka yang menerima bayaran yang tidak sebanding dengan kelulusan ataupun yang dinamakan *underemployed*.

Kaola difahamkan dan bersetuju dengan kenyataan, bahawa adalah mustahil untuk mencapai kadar sifar pengangguran kerana trend pekerjaan yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Namun, pada pandangan kaola, ada baiknya dibuat kajian mengenai jumlah untuk mengenalpasti jumlah dan peratus tenaga kerja tempatan yang masih bekerja sementara secara

sambilan dan juga mereka yang *underemployed* ini untuk dirancang penambahbaikan yang lebih strategik dan berkesan bagi membantu mempertingkatkan tahap sosioekonomi mereka.

Kaola jua menyambut baik inisiatif-inisiatif perantisan seperti I-Ready, SkiPPA dan *Clinical Supervisory Programme* CSP. Namun dalam kesempatan ini, ah, kaola mohon pencerahan mengenai hala tuju peserta-peserta yang mengikuti program ini setelah mereka menamatkan perantisan mereka.

Berdasarkan Pembentangan Belanjawan, kaola juga mengambil maklum bahawa negara bergantung kepada 70% barangan import khususnya berkaitan keperluan makanan. Ini adalah cabaran kritikal yang memerlukan perhatian segera. Kita perlu memberikan tumpuan khusus kepada SMEs yang sebahagian besarnya adalah dalam industri makanan tempatan atau sektor agromakanan.

Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sektor ini akan membantu memudahkan perancangan inisiatif-inisiatif untuk mempertingkatkan pengeluaran dengan lebih agresif. Ini termasuklah mempromosikan dan menyokong *Bruneian-made Industry* bagi mengurangkan kebergantungan kepada import dan seterusnya memastikan kestabilan harga dan bekalan dalam negara serta mengukuhkan sekuriti makanan.

Dalam usaha memperkasa sektor makanan, kaola juga menyokong dan

mencadangkan usaha koperasi dan kerjasama secara *joint ventures* sebagai modal perniagaan yang perlu dibudayakan dan dipergiatkan dalam masyarakat khususnya pada keperluan-keperluan harian kerana ianya dapat membantu meningkatkan penyertaan lebih ramai rakyat Brunei untuk sama-sama memajukan diri dalam bidang keusahawanan terutama dalam sektor agromakanan. Kaitan itu adalah perlu untuk menyediakan dan memudahkan akses kepada pembiayaan yang mencukupi dan bimbingan serta sokongan kepada usahawan-usahawan tempatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola juga gembira dan menerima baik usaha kerajaan dalam meningkatkan eksport beberapa produk makanan ke Sabah, Malaysia dan Singapura. Ini adalah langkah positif yang menunjukkan potensi sektor makanan kita di pasaran serantau. Oleh itu, kaola mohon perkongisan mengenai perkembangan terkini bahan-bahan eksport tersebut.

Bagaimanakah sambutan masyarakat di negara-negara berkenaan terhadap produk makanan buatan Brunei ini? Adakah perkara ini dikaji dan dikenal pasti? Adakah *demand* tinggi untuk produk-produk tersebut bagi penghantaran eksport seterusnya dan apakah langkah seterusnya yang dirancang untuk memperluaskan eksport ini?

Dalam hal ini kaola jua mencadangkan agar penyelidikan mendalam

dilaksanakan bagi memastikan pasaran yang berpotensi, menepati keperluan dan kehendak pengguna di negara-negara eksport serta memenuhi piawaian dan peraturan eksport yang ditetapkan. Penempatan wakil-wakil perdagangan di negara-negara sasaran juga akan membantu mempromosikan produk-produk tersebut.

Dalam masa yang sama akan menjalinkan hubungan baik antara pengimport dan pengedar serta memberikan maklumat dan sokongan kepada pengusaha tempatan serta memberikan maklum balas kepada pengusaha tempatan yang berpotensi. Pemilihan wakil-wakil perdagangan ini hendaklah dari kalangan usahawan yang berpotensi dan berpengetahuan luas dalam bidang permakanan dan pemasaran.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola mengambil maklum mengenai inisiatif kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan dan produktiviti awam yang pada pandangan kaola adalah penting untuk memastikan penjawat awam di negara ini beretika tinggi, berkaliber, berintegriti serta berkeinginan tinggi untuk memberikan hasil kerja yang baik demi mencapai matlamat negara. Ini juga akan meningkatkan kedudukan Brunei dalam *Government Effectiveness Index*.

Dalam inisiatif pembangunan modal insan yang dinamik dan berwawasan, adalah langkah yang sangat penting untuk memastikan generasi muda kita dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan. Kaitan itu

kaola merujuk pembentangan belanjawan mengenai pencapaian literasi dan numerasi yang cemerlang di peringkat sekolah rendah serta pencapaian *PISA* yang menunjukkan peningkatan. Namun pencapaian tinggi di peringkat sekolah rendah ini tidak dapat dikekalkan di peringkat sekolah menengah terutama dalam pencapaian peperiksaan '*O' Level*'.

Ini menimbulkan persoalan mengapakah pencapaian cemerlang ini tidak dapat menterjemahkan prestasi yang sama di peringkat sekolah menengah memandangkan '*O' Level*' adalah salah satu *KPI* dalam mencapai Matlamat 1 Wawasan Brunei 2035. Kajian mendalam dan menyeluruh serta inisiatif penambahbaikan mestilah dilaksanakan segera dengan mengambil kira input daripada pihak-pihak yang berkepentingan dan relevan termasuk ibu bapa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Akhir kalam, sekali lagi kaola menyatakan sokongan terhadap Belanjawan Tahun Kewangan 2025/2026. Kaola yakin pihak-pihak berkaitan akan menggunakan belanjawan ini dengan bijak bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan memajukan negara ke arah yang lebih baik dan seterusnya bersatu bagi membina masa depan negara yang lebih makmur, insya Allah.

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira adalah sesuai sekarang bagi kita untuk berehat selama 15 minit dan kita akan menyambung semula mesyuarat ini sebentar nanti.

(Majlis Mesyuarat berehat)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang majlis ini bersidang semula bagi menyambung Perbahasan Peringkat Dasar. Saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Selamat pagi dan salam sejahtera.

Pertama sekali kaola ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun Kewangan 2025/2026 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan atas usaha yang teliti dan berstrategi dalam memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang mampan, kesejahteraan rakyat serta pemeraksanaan sektor-sektor utama bagi memacu kemajuan dan daya tahan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Belanjawan yang diperuntukkan sebanyak \$6.35 bilion memberi penekanan kepada tiga keutamaan, iaitu meningkatkan kesejahteraan dan produktiviti awam, memupuk kepelbagaian ekonomi yang mampan serta membangunkan modal insan yang lebih dinamik dan berwawasan.

Sebagai ahli yang mewakili sektor pertanian dan perniagaan, kaola ingin menekankan beberapa aspek utama dalam belanjawan ini yang berkait rapat dengan daya saing sektor pertanian, keselamatan makanan, industri asas tani serta pembangunan keusahawanan tempatan.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan MMN tahun ini, baginda telah menekankan kepentingan meningkatkan produktiviti dan hasil negara merentasi sektor-sektor seperti pertanian serta industri baharu yang mengurangkan kebergantungan kepada sektor minyak dan gas agar dapat memastikan pembangunan ekonomi yang menyeluruh.

Oleh itu, kaola ingin mengetengahkan beberapa cadangan yang bukan sahaja menyokong dasar sedia ada tetapi juga cadangan ke arah strategi lebih lanjut untuk memperkukuhkan sektor ini. Salah satu cabaran utama yang dihadapi negara ialah kebergantungan tinggi terhadap import makanan di mana lebih 70% bekalan negara masih diperolehi dari luar negeri.

Dalam konteks ini, kaola amat menyambut baik usaha kerajaan dalam mengembangkan kawasan Kemajuan Pertanian Kandol yang didasarkan mengeluarkan hasil sebanyak 2088 metrik tan beras setahun. Walau bagaimanapun untuk memastikan negara mencapai kadar sara diri yang lebih tinggi, kita perlu melihat lebih mendalam kepada *structure* industri pertanian secara keseluruhan.

Kaola bercadang agar kerajaan mewujudkan rangka tindakan keselamatan makanan nasional yang lebih komprehensif, yang tidak hanya bertumpu kepada pengeluaran semata-mata tetapi juga membina ekosistem pertanian yang lebih holistik. Ini termasuk kajian strategik terhadap tanah pertanian yang berpotensi, meningkatkan sistem pengairan yang lebih *efficient* serta insentif kepada sektor swasta untuk melabur dalam pengeluaran makanan tempatan.

Kaola juga ingin mencadang supaya kerajaan memperluaskan kerjasama dengan sektor swasta dan institusi penyelidikan bagi meningkatkan inovasi dalam bidang pertanian dan pemprosesan makanan.

Kerajaan boleh menggalakkan pelaburan dalam penyelidikan dalam pembangunan RND untuk menghasilkan benih padi tahan penyakit, sistem pengairan pintar serta teknologi pemprosesan makanan yang lebih cekap dan selamat. Ini saja akan membantu meningkatkan daya saing produk tempatan di pasaran antarabangsa tetapi juga mengurangkan

kos pengeluaran dalam jangka masa panjang.

Bagi meningkatkan nilai tambahan kepada hasil pertanian tempatan, industri pemprosesan makanan perlu dipertingkatkan. Oleh itu, kaola mencadang kerajaan memperkenalkan dana yang boleh menggunakan untuk membangunkan lebih banyak kilang pemprosesan makanan berskala kecil dan sederhana di daerah-daerah, memberikan *grant* bagi mendapatkan persijilan halal antarabangsa dan *standard export* yang ketat bagi membolehkan produk tempatan menembusi pasaran *global* serta menyediakan insentif khas untuk syarikat yang ingin melabur dalam RND pemprosesan makanan termasuk penggunaan bahan semula jadi dan formulasi produk inovatif.

Kaola juga melihat keperluan untuk mewujudkan hub agro makanan nasional yang berfungsi sebagai pusat sehati untuk menyokong keseluruhan rantai nilai industri pertanian dan makanan. Hub ini boleh mendapatkan pusat penyelidikan pertanian, fasiliti pemprosesan makanan, gudang penyimpanan serta pusat latihan usahawan tani.

Dengan adanya hub ini, sektor pertanian dan makanan akan lebih tersusun selain mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan serta meningkatkan keberkesanan operasi dan pemasaran produk tempatan. Keusahawan merupakan tunjang utama kepada

pertumbuhan sektor bukan minyak dan gas.

Dan kerajaan telah melakukan pelbagai usaha untuk memperkasa perusahaan mikro, kecil dan sederhana dan usahawan tempatan. Walaupun terdapat skim pembiayaan dari DARE, ramai usahawan masih menghadapi cabaran dalam mengakses modal dengan syarat yang lebih fleksibel.

Kaola mencadangkan agar kerajaan memperkenalkan dana bagi membiayai perusahaan yang memberikan akses kepada pinjaman subsidi dengan kadar faedah lebih rendah kepada syarikat yang membangunkan teknologi pertanian, pemprosesan makanan dan perdagangan digital.

Kaola juga melihat keperluan bagi satu program khas untuk mempercepatkan pendigitalan perniagaan dalam sektor pertanian dan makanan. Kerajaan boleh wujudkan inisiatif yang membantu petani dan usahawan tani dalam memanfaatkan platform e-dagang dan teknologi digital untuk pemasaran produk mereka.

Ini termasuk latihan dalam pemasaran digital, akses kepada platform e-dagang tempatan dan serantau serta integrasi sistem pembayaran tanpa tunai bagi memudahkan transaksi jual beli. Selain itu, kerajaan juga boleh menyediakan lebih banyak insentif kepada syarikat yang ingin melabur dalam teknologi pertanian pintar seperti otomasi ladang, sistem pengairan pintar, penggunaan *drone* untuk pemantauan tanaman serta kecerdasan buatan *AI* dalam analisis hasil pertanian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Belanjawan ini bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme memberikan dan pertumbuhan ekonomi tetapi juga sebagai pemacu kepada transformasi sektor pertanian dan perniagaan. Dengan strategi yang lebih menyeluruh kita boleh memastikan bahawa negara mampu mencapai daya saing lebih tinggi dalam sektor keselamatan makanan, perniagaan moden dan industri pemprosesan makanan.

Belanjawan ini juga selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mahukan negara mengorak langkah ke arah ekonomi yang lebih pelbagai, inklusif dan lestari.

Kaola menyokong sepenuhnya belanjawan ini dan harap agar cadangan yang dikemukakan dapat diteliti dan dilaksanakan demi manfaat bersama. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Selamat pagi dan salam sejahtera. Terlebih dahulu kaola juga ingin mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan dan semoga mendapat berkat dan rahmat kepada semua yang menunaikan ibadah puasa.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada kaola untuk turut serta bersama rakan-rakan Ahli Yang Berhormat lain membahaskan Belanjawan Tahun Kewangan 2025/2026.

Kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan Rang Undang-Undang Tahun 2025 Perbekalan, Tahun Kewangan Tahun 2025/2026 yang telah disampaikan secara komprehensif serta mengucapkan syabas kepada menteri-menteri berkaitan atas pencapaian mereka.

Pencapaian Brunei dari segi KDNK yang telah mencapai pertumbuhan sebanyak 4.2% ini amat mengagumkan berbanding dengan unjuran yang dijangka iaitu 3.3% hingga 4% sahaja. Apakah *factor-factor* utama yang telah mendorong pertumbuhan ini, yang lebih kukuh daripada yang telah dijangka. Dengan pencapaian ini adakah sebab negara ini tidak boleh kukuh atau melebihi pertumbuhan ini pada tahun 2025.

Walau bagaimanapun dengan prestasi ini, unjuran bagi tahun 2025 ditetapkan lebih rendah dengan 2.4% hingga 3.4% sahaja. Apakah sebab di sebalik pandangan yang lebih *conservative* ini?. Selain itu, institusi kewangan antarabangsa seperti *IMF*, *AMRO* dan *ADB* telah menganjurkan kadar pertumbuhan yang agak sederhana bagi tahun 2024 dan tahun 2025.

Apakah factor-faktor yang telah memperoleh sikap berhati-hati bagi institusi kewangan antarabangsa ini? Dan apakah perspektif kerajaan melihat unjuran luar ini berbanding dengan *trajectory economy* Brunei yang sebenar? Pada waktu yang sama, ketika kita menyelidik Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun Kewangan 2025/2026 yang telah disampaikan, kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk menengakkan kepentingan reformasi *Public Financial Management* bagi memastikan *long-term fiscal sustainability* untuk Negara Brunei Darussalam, seperti yang dinyatakan dalam *ASEAN+3 Macroeconomic Research Office* pada bulan Jun yang lalu.

Walaupun Negara Brunei Darussalam masih boleh bergantung kepada rizab fiskal yang kukuh dianggarkan sebanyak USD73 bilion menurut *Sovereign Wealth Fund Institute*, tetapi dengan penurunan hasil minyak dan gas serta tekanan *global decarbonization* yang semakin meningkat memastikan perbelanjaan yang lebih strategik dan berdisiplin fiskal menjadi lebih kritikal pada masa ini. Masa depan yang kita sedang bina hari ini harus menjadi suatu yang bertanggungjawab dari segi kewangan yang mampan secara ekonomi untuk generasi akan datang.

Sehubungan itu, pihak kami mengambil maklum bahawa Bahagian Belanjawan Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mencapai kemajuan yang positif dalam usaha ini dengan sokongan

panduan teknikal yang berterusan bagi mempertingkatkan disiplin fiskal berterusan dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan negara.

Salah satu inisiatif utama yang sedang dilaksanakan iaitu pembangunan *chart of accounts* yang telah diperincikan dalam salah satu lawatan kerja yang telah diadakan. Pembaharuan ini akan mewujudkan satu sistem yang lebih tersusun dalam menjejak perbelanjaan kerajaan, memperkukuh proses penganggaran serta mempertingkatkan tahap pelaburan kewangan. Ini merupakan langkah yang amat penting dalam memastikan dana awam digunakan dengan cekap dan berkesan.

Dalam usaha kita untuk menarik Pelaburan Langsung Asing (*FDI*), apakah pertimbangan yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat tempatan? Sejauh manakah usaha telah dilakukan untuk meneroka peluang dalam menjalin usaha sama iaitu *JV* dengan peniaga tempatan yang berpotensi serta beriltizam tinggi dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Untuk bersaing di peringkat global dan mengharumkan nama Brunei, peniaga tempatan memerlukan panduan yang lebih teratur dan berjangka panjang. Oleh itu, kaola ingin mengemukakan beberapa pertanyaan berikut. Berapakah jumlah peruntukan yang tersedia di bawah *Business Development Fund*? Selain daripada *co-matching scheme*, apakah bentuk geran dan panduan kewangan lain yang tersedia dan turut

disediakan bagi menyokong perkembangan perniagaan?

Adakah kerajaan telah pertimbangkan untuk melaksanakan *co-investing* dengan syarikat tempatan yang berpotensi khususnya dalam 4 sektor keutamaan bukan minyak dan gas yang memerlukan pertumbuhan segera. Keberhasilan perniagaan dan industri tempatan adalah asas penting dalam memperkukuh daya tahan ekonomi negara.

Kaola menyambut baik peningkatan peruntukan dalam bidang ICT serta usaha *digitalizations*, namun persoalan utama yang ingin kaola bangkitkan ialah sejauh manakah pelaburan ini mempertingkatkan ekosistem teknologi dan inovasi negara?

Izinkan kaola menarik perhatian kepada *Brunei Info-Communication Technology Awards (BICTA)*. Sejak pengenalan kategori sekolah rendah pada tahun 2023, kita telah menyaksikan peningkatan ketara dalam penyertaan dari pelajar yang lebih muda. Pada tahun 2024, sebahagian besar penyertaan adalah dari sekolah rendah dan menengah dengan 32% dari sekolah rendah, 29% dari sekolah menengah, hanya 11% dari institusi pengajian tinggi dan 3% dari *Start-Ups*. Manakala, sektor kerajaan adalah 6%.

Persoalannya, apakah yang berlaku selepas pertandingan? Adakah laluan pembangunan selepas pertandingan telah disediakan bagi memastikan

innovator pelajar yang berpotensi dapat terus membangunkan idea mereka menjadi perniagaan atau projek teknikal?

Adakah bentuk sokongan yang diberikan untuk memastikan inovasi dapat dikekalkan dan dibangunkan melebihi peringkat pertandingan? Jika kita komited dalam memperkasa bidang Sains, Teknologi dan Inovasi, maka bolehkah dipertimbangkan mewujudkan *special innovation grant* bagi guru dan pelajar, memperkenalkan program innovator mudah serta kem inovasi atau memperluaskan *CREATES* ke peringkat sekolah rendah dan menengah?

Selain itu, jika kita pernah berhasrat untuk bergerak kepada *smart nation* dan meningkatkan *AI adoption*, apakah insentif yang telah disediakan bagi merencanakan inovasi dalam sektor kerajaan itu sendiri? Adalah menjadi harapan kaola, agar sektor kerajaan dapat meningkatkan penyertaan dalam inisiatif-inisiatif ini demi memperkukuhkan ekosistem inovasi negara.

Akhirnya, kaola ingin mengulang kembali perkataan Yang Berhormat Menteri, "Masa depan bukan milik kita semata-mata, tetapi milik generasi akan datang." Ini menimbulkan soalan yang lebih besar. Adakah kerajaan mengambil tindakan untuk berunding dengan golongan belia mengenai aspirasi mereka untuk masa depan Brunei?

Dalam membentangkan perbelanjaan pada Sabtu lalu, sejauh manakah kita

telah mempertimbangkan pandangan golongan belia? Adakah terdapat sebarang inisiatif untuk merealisasikan perbelanjaan ini kepada golongan belia? Bagi pandangan belia, soalan paling penting ialah berapa banyak pekerjaan yang akan dicipta daripada perbelanjaan ini?

Selain itu, apakah status kongres belia negara? Kongres ini adalah satu program yang dianjurkan dengan tujuan mengumpul belia untuk mengongsikan pendapat serta isu-isu belia secara teratur dan memberi sumbangan buah fikiran dengan *policy makers* untuk mencadangkan perjalanan terhadap pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Namun, program ini hanya diadakan 2 kali sahaja sejak tahun 2008, apakah sebabnya? Dan juga apakah yang telah terjadi kepada *Youth Town Hall*? Adakah terdapat tindakan untuk mengadakan satu dana pembangunan belia selain daripada skim perkasa secara khususnya untuk inisiatif-inisiatif ini dan mengunjung pelbagai organisasi belia untuk anjurannya.

Belia Brunei tidak kekurangan idea, semangat atau cita-cita. Kita harus mengambil tindakan untuk melibatkan belia negara dan perbincangan berkaitan dengan masa depan negara. Mereka perlu didengar, dilibatkan dan diberi semangat.

Kita telah memperolehi *mentor program* seperti BMEN untuk usahawan tetapi bagaimana dengan industri yang lain

seperti sektor *ICT, creative professional* dan bidang teknikal? Kebanyakan inisiatif tersedia di luar perniagaan dipimpin oleh golongan belia yang mahupun dihargai masih mengandungi kekurangan dari segi pengalaman dan pandangan industri yang hanya boleh diberikan oleh *senior professionals*. Jika kita benar-benar percaya bahawa masa depan adalah milik generasi akan datang, maka marilah kita membuktikan bukan hanya melalui perkataan tetapi melalui tindakan dan reformasi *structural* yang boleh mengiktiraf belia bukan sahaja sebagai penerima faedah tetapi sebagai peserta aktif dalam membentuk masa depan ekonomi Brunei Darussalam.

Sebelum kaola mengundur diri, kaola ingin menutupkan ucapan ini dengan sependapat dengan dengan Yang Berhormat Menteri, sesungguhnya aspirasi yang telah digariskan dalam belanjawan ini tidak dapat dicapai oleh satu pihak sahaja. Kejayaan pencapaian ini menurut strategi kolaboratif dan kerjasama erat antara sektor kerajaan, sektor swasta serta seluruh rakyat.

Oleh yang demikian, kaola berharap, agar terdapat rancangan yang tersusun serta tindakan yang berkesan dengan memperkukuh satuan dan perpaduan negara demi memastikan hala tuju negara dapat dicapai.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Bismillahir Rahmanir Rahim, (doa dibaca). Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Asslamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, terlebih dahulu kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kesempatan yang diberikan untuk membahaskan Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2025/2026 ini.

Kaola ingin mengucapkan tahniah atas pembentangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Ianya adalah begitu komprehensif dan sangat jelas. Syabas atas usaha-usaha dan inisiatif yang menunjukkan kemajuan dan memberikan harapan yang baik bagi rakyat dan penduduk di negara ini. Semoga inisiatif-inisiatif ini dapat mengaktifkan lagi aktiviti ekonomi serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan dan sekaligus membantu menurunkan kadar kemiskinan di negara ini.

Langkah-langkah ini juga selaras dengan memenuhi tema perbelanjaan tahun ini iaitu "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur". Oleh yang demikian, kaola menyokong sepenuhnya

Rang Undang-Undang Belanjawan Tahun Kewangan 2025/2026 yang disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah subhanahu wa taala atas pencapaian ekonomi negara yang telah dicapai setakat ini, dimana pertumbuhan KDNK sebanyak 4.2% pada tahun 2024 yang merupakan kadar tertinggi sejak tahun 1999. Peningkatan ini mencerminkan keberkesanan dasar-dasar Kerajaan dalam memperkukuh ekonomi serta usaha berterusan dalam mencapai Wawasan 2035 dan adalah bukti positif bahawa inisiatif-inisiatif yang diambil, mula membuahkan hasil.

Namun sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, kita tidak boleh berasa *complacent* kerana masih banyak cabaran yang dihadapi termasuk peningkatan defisit Kerajaan serta kebergantungan yang masih tinggi terhadap sektor minyak dan gas. Dengan hanya 10 tahun yang tinggal untuk mencapai Wawasan 2035, terdapat *sense of urgency* untuk merealisasikan sepenuhnya aspirasi yang ditetapkan.

Persoalan utama yang timbul ialah sama ada KDNK negara mampu mengekalkan tren pertumbuhan positif ini dalam jangka panjang. Dari segi kadar pertumbuhan ekonomi, ia dijangka meningkat 2.4% hingga 3.4%, namun adakah kadar ini mencukupi mencapai sasaran jangka panjang negara bagi

memastikan kita terus bergerak ke arah pencapaian Wawasan 2035, apakah sasaran tahunan yang boleh ditetapkan untuk memperkukuhkan lagi pertumbuhan ekonomi dan memastikan matlamat Wawasan 2035 dapat direalisasikan?

Selain itu, dengan hanya 25% daripada hasil kerajaan berasal dari sektor bukan minyak dan gas, adakah pendekatan Kerajaan cukup agresif dalam kepelbagaian ekonomi? Alhamdulillah, Kerajaan telah mengenalpasti sektor-sektor keutamaan lain seperti makanan, perkhidmatan, ICT dan pelancongan sebagai pamacu utama dalam usaha kepelbagaian ekonomi negara. Dengan sumbangan mereka yang semakin meningkat kepada ekonomi, kaola juga teruja mendengar perancangan-perancangan dan usaha dalam pertumbuhan ekonomi hijau yang sejajar dengan keperluan global untuk menangani perubahan iklim dan memastikan kelestarian ekonomi jangka panjang.

Sehubungan itu, kaola juga menyambut baik atas usaha Kementerian Pendidikan dalam pembangunan modal insan bagi sektor hijau serta peranan UTB dalam menubuhkan *Centre of Green Technology* dan *Sustainable Research* yang merupakan langkah signifikan dalam memperkasa kepakaran dan memajukan inovasi dalam teknologi hijau.

Namun dalam proses peralihan industri ini, terdapat risiko yang perlu diberi perhatian termasuk kemungkinan

kehilangan pekerjaan dalam sektor tradisional, keperluan untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja sedia ada serta cabaran dalam menarik pelaburan dan memastikan kestabilan ekonomi sepanjang tempoh peralihan.

Oleh itu, persoalan utama yang timbul adalah bagaimana kerajaan dapat memperkukuh lagi usaha memastikan tenaga kerja rakyat Brunei bersedia untuk masa depan agar mereka dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang dalam industri yang sedang berkembang pesat dan berdaya maju sambil mengurangkan kesan negatif daripada peralihan industri terhadap pekerja dan ekonomi secara keseluruhan. Insya Allah dengan usaha yang bersepadu, Negara Brunei Darussalam akan terus berkembang sebagai sebuah ekonomi yang dinamik, mampan dan makmur untuk generasi kini dan akan datang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, tren semasa menunjukkan bahawa terdapat peningkatan defisit kerajaan sebanyak 28.1% dari tahun 2023/2024 ke 2025/2026, sementara pada masa yang sama hasil kerajaan mencatatkan penurunan sebanyak 11.65%. Penurunan *output* ekonomi ini, menimbulkan kebimbangan kerana ia menunjukkan bahawa perbelanjaan kerajaan tidak diterjemahkan kepada *real broad* yang boleh menjadi petanda kecekapan dalam perbelanjaan. Bagaimanakah Kerajaan membiayai defisit ini khususnya melalui defisit *financing*? Adakah ia bergantung kepada *reserve* negara? Jika ini caranya, sampai

bilakah kitani boleh mengekalkan tanpa menjejaskan kestabilan ekonomi dan membebankan generasi yang akan datang. Ini memberi peluang kepada kerajaan untuk menilai semula strategik ekonomi dan fiskal bagi memastikan perbelanjaan yang lebih cekap dan mampan. Kerajaan boleh memperhalusi perbelanjaan dengan mengenal pasti sektor yang benar-benar memberi impak iaitu perbelanjaan yang produktif dan yang tidak produktif. Ini boleh selari dengan usaha meningkatkan kecekapan dalam pengurusan sumber alam seperti pemantauan yang lebih ketat terhadap keberkesanan projek.

Satu lagi pendekatan untuk menangani defisit dan penurunan *output* ekonomi adalah melalui pemeriksaan sektor swasta. Alhamdulillah, kita dapat melihat usaha kerajaan dalam hal ini dengan mengutamakan peranan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan, bukan sahaja sebagai pemangkin pertumbuhan sektor swasta tapi juga sebagai platform untuk meningkat daya saing perniagaan tempatan, mencipta peluang pekerjaan berkualiti, dan memperkukuh ekosistem ekonomi negara.

Kaola menyambut baik atas jumlah pekerja swasta meningkat sebanyak 4% pada tahun 2024, di mana ini 70% tenaga kerja berada dalam sektor ini berbanding hanya 30% pada tahun 2024. Pertumbuhan ini didorong oleh sektor utama seperti perdagangan, perkhidmatan, pembuatan serta peningkatan pekerja sendiri hasil daripada perkembangan usahawan dan ekonomi.

Pencapaian ini adalah satu perkembangan positif dan kaola bersyukur kerana ini telah membantu menurunkan kadar pengangguran kepada 4.8% tahun ini. Namun adalah penting untuk menilai sejauh mana pertumbuhan ini benar-benar meningkatkan kualiti hidup rakyat. Adakah sektor-sektor ini terdiri daripada pekerjaan yang berpendapatan tinggi? Dan adakah kebanyakan hanya pekerjaan sementara? Bagaimanakah GLC dapat terus memainkan peranan yang lebih strategik dalam memastikan pertumbuhan sektor swasta menyediakan pekerjaan tetap dan pendapatan tinggi serta menyumbang pada pengurangan defisit kerajaan.

Oleh itu, menangani fiskal kerajaan adalah penting bukan sahaja untuk memastikan kadar pengangguran ke rendah tapi juga meningkatkan kualiti pekerjaan yang tersedia agar rakyat dapat menikmati peluang pekerjaan yang lebih stabil, berkualiti dan menjamin masa depan yang lebih baik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang dibentangkan, kesan rakyat tidak hanya bergantung kepada ekonomi yang kukuh tapi juga infrastruktur yang berkualiti tinggi. Alhamdulillah, kerajaan terus melabur dalam pembangunan infrastruktur bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat dalam sektor pengangkutan, telekomunikasi, perumahan serta kemudahan asas, seperti pembekalan air dan elektrik, dengan liputan bekalan elektrik dan air yang mencapai 99% serta lebih 90%

penduduk mempunyai akses *internet*. Kerajaan terus memperkukuhkan kemudahan asas. Sebanyak \$153 juta diperuntukkan bagi memastikan bekalan tenaga stabil, meningkatkan infrastruktur air bersih, keselamatan jalan raya mencerminkan usaha kerajaan agar setiap lapisan masyarakat dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa dan produktif.

Melalui Rancangan Kemajuan Negara (RKN), projek-projek pembangunan ini bukan sahaja memenuhi keperluan harian rakyat tapi juga menjadi pemacu pertumbuhan sosioekonomi negara.

Oleh itu, kaola melihat keperluan untuk menekankan kepentingan projek-projek ini dalam hubungan isu-isu sosial secara langsung dirasai oleh rakyat seperti kos sara hidup dan ketidakseimbangan pendapatan dan kebajikan yang masyarakat yang turut mempengaruhi kesejahteraan rakyat.

Walaupun, alhamdulillah, usaha besar dilakukan dalam pembangunan fizikal dan kemudahan asas, adakah terdapat strategi holistik yang menghubungkan pembangunan infrastruktur dan dengan penyelesaian isu sosial bagi memastikan kemajuan negara lebih seimbang dan inklusif? Bagaimanakah kerajaan dapat memastikan bahawa pertumbuhan ekonomi yang sedang dialami dan projek-projek ini di bawah Rancangan Kemajuan Negara benar-benar diterjemahkan kepada manfaat yang dirasai secara langsung oleh rakyat.

Dengan pendekatan ini, kita bukan sahaja meninggalkan retorik tapi beralih

kepada tindakan yang membawa impak nyata, menggerakkan usaha secara menyeluruh dan meningkatkan kualiti hidup dalam aspek ekonomi sosial dan alam sekitar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola berdoa agar belanjawan ini dapat mencapai matlamatnya sebagai pelaburan jangka panjang yang memacu kemakmuran negara serta mempertingkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat baik pada masa ini mahupun untuk generasi akan datang, Insya Allah. Wabillahi Taufik wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:
Bismillahir Rahmanir Raheem. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. (*Doa dibaca*). Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullah dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, tahniah kaola ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, dan seluruh warga kementerian-kementerian yang bekerja penuh dedikasi, menyediakan bajet kewangan kementerian masing-masing bagi bajet bagi tahun 2025/2026.

Kaola dan Ahli-Ahli Yang Berhormat lain serta seluruh rakyat pastinya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas rezeki peruntukan belanjawan bagi tahun ini yang bertemakan "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur".

Kaola turut mengaminkan doa-doa agar usaha-usaha mempelbagaikan projek strategik dan inisiatif-inisiatif yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dengan keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala memberikan faedah kepada seluruh rakyat dalam memantapkan sosioekonomi dalam mengembangmajukan negara seperti yang diharapkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah, syukur kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, meskipun menghadapi pelbagai cabaran ekonomi, namun Brunei Darussalam telah berjaya mencapai pertumbuhan ekonomi sebanyak 4.2% di mana sektor-sektor bukan minyak dan gas turut menunjukkan peningkatan boleh menampung kekurangan dari hasil dari sektor minyak dan gas. Namun, belanjawan masih sekali lagi dijangka mengalami defisit sebanyak \$3.1 billion dengan belanjawan \$6.3 billion.

KDNK Brunei menunjukkan peningkatan tetapi kaola serta rakyat musykil mengapa hasil fiskal kerajaan tidak meningkat hingga ke desifit belanjawan yang berterusan. Adakah terdapat kaitan antara hasil Kerajaan dengan Pertubuhan dengan KDNK dan jika tidak kenapa tidak. Jika pertubuhan KDNK tidak

berkait langsung dengan hasil kerajaan apakah premeter ekonomi di lain yang boleh kita utamakan untuk memastikan hasil negara bertambah agar generasi akan datang turut merasakan kemakmuran.

Sebagai contoh bolehkah faktor seperti pembagaian ekonomi, pembangunan sektor swasta atau pelancong asing memainkan peranan yang lebih penting dalam mengukuhkan hasil fiscal dan kestabilan ekonomi dalam jangka panjang dan apakah indicator yang lain boleh mengembangkan kestabilan ekonomi yang lebih tepat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Izinkan kaola menyentuh proper isu yang di kemukakan dalam bajet memberikan pandangan alternatif semoga memberi nilai tambaha untuk mencapai tujuan yang sama. Dalam strategik pembangunan negara tanpa pinjaman luar *strategy of no external borrowing for development*. Kita berharap *reserved* negara tidak tergugat untuk menampung perbelanjaan masa kini. Oleh itu kita perlu *instill a sense of prudence spending* dengan berhemah bagi memastikan dana perbelanjaan dan dana generasi masa depan tidak terjejas. Persoalannya adalah bagaimana kita dapat memastikan jentera Kerajaan mengambil tindakan yang segera with *sense of urgency whilst not panicking* dan bagaimana agensi kerajaan dapat mengujudkan persekitaran ekosistem yang sesuai, kondusif probisnes untuk mengembangkan ekonomi bersama-

sama sektor awam. Bagi memulihkan simpanan yang telah digunakan agar kita benar-benar dapat menhayati tema "Bersatu membina masa demi yang lebih makmur".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Difahamkan bahawa sejumlah besar belanjawan negara iaitu 70-80% daripada 6.3 bilion adalah peruntukan untuk membayar gaji dan benefit untuk 60 ribu pekerja dalam carta Kerajaan manakala 20-30% lagi untuk perbelanjaan berulang-ulang. Dari jumlah perbelanjaan negara bajet Pembangunan adalah \$480 juta dan ini tertakluk kepada keberkesanan Kerajaan menyiapkan rancangan-rancangan RKN untuk di laksanakan. Ini menunjukkan keperluan mendesak agensi dan expendisi untuk meningkatkan sokongan agensi Kerajaan menjadi penggerak nadi ekonomi negara. Oleh itu, kita memulakan program yang jelas dan berarah dalam belanjawan untuk mengerakkan agensi ke arah tindakan yang lebih proaktif dan berkesan untuk menggerakkan sektor swasta membantu menjana ekonomi negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin juga mengemukakan isu pentingnya berkaitan dengan Pembangunan Pendidikan. Kita turut berbangga dengan kedudukan universiti-universiti kita dengan *ranking* antarabangsa tapi kita masih menhadapi cabaran yang signifikan dalam memastikan graduan-graduan kita mendapat pekerjaan yang sesuai. Graduan negara tidak mendapat

pekerjaan yang sepatutnya dan terpaksa melakukan kerja sambil untuk menyara hidup mereka. Inisiatif Kerajaan memberi pendedahan pekerjaan melalui Skim Latihan *SkiPPA*, *i-Ready* memang membantu memberi pendedahan *work experience* dan skim ini juga berjaya menurunkan statistik pengangguran tetapi pengambilan pekerja sepenuh masa dengan gaji yang berpatutan selepas 12 ke 18 bulan pendedahan kerja masih amat mengecewakan. Namum pada waktu yang sama Pejabat Buruh melaporkan ada kenaikan kepada 75 ribu pemegang pas permit kerja di negara ini berbanding 11 ribu anak tempatan yang menganggur. Ini menunjukkan bahawa kita perlu mengubah strategik yang sudah ada tentang tenaga kerja kepada yang lebih fokus dan berkesan mementingkan pengambilan anak tempatan dalam industri tempatan.

Kekurangan peluang pekerjaan dalam negara berterusan berpotensi melakukan *brain drain*, aliran keluar tenaga mahir, di mana anak-anak kitani generasi muda yang pintar dan berkelulusan ini akan keluar negara untuk mencari rezeki dan menampung kehidupan mereka. Kaola berpendapat negara ada dua pilihan untuk menangani potensi brain grant.

Kita boleh *ignore* pendapat *brain drain* tidak akan berlaku dan jika ianya berlaku kita terima padahnya dan kerugian dan boleh kita atau kita boleh proaktif mengubah potensi ini menjadikan peluang brain grant kepada brain game. Dengan institusi-institusi pendidikan,

universiti dan agensi-agensi Kerajaan mengadakan program-program yang bersesuaian untuk mengalakkan graduan-graduan yang tidak berkerja untuk mendapatkan pengalamana di luar negara. Matlamat mereka membawa pulang kemahiran dan kepakaran yang berharga bagi memajukan industri Brunei bila mereka pulang nanti.

Kaola ingin mencadangkan pendekatan lebih positif dan proaktif antaranya untuk mewujudkan program pakat pulang menyediakan inisiatif peluang kerja sementara waktu dan bagi mereka yang kembali dan kemahiran kursus di bagi keutamaan.

Memohonkan pengkongsian dengan syarikat-syarikat global di mana dengan perkhidmatan antarabangsa di mana negara-negara ada berkepentingan untuk menempatkan graduan-graduan Brunei dalam penempatan yang selaras dan matlamat kepelbagaian ekonomi negara. Apabila mereka kembali ke tanah air terutama *assignment* mereka ada eko sistem yang meyokong memastikan professional-profesional ini kembali akses pada sumber pembiayaan peluang menyaksikan kemahiran mereka dan berkesan di Brunei dan mengubah grant brain kepada grant game mungkin insya Allah Brunei akan dapat membina saluran professional ke kemahiran tinggi yang akan menyumbang pertumbuhan tanpa ekonomi negara dalam jangka panjang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola juga mengambil maklum bahawa ekonomi negara menunjukkan tanda-tanda pemulihan degan pemberian 10 ribu permit kerja tahun lalu menjadikan jumlah pemegang jumlah permit kerja kepada 75 ribu di Brunei ketika ini. Jesteru kita perlu memastikan bahawa pertumbuhan ini memberikan manfaat maksimum kepada rakyat Brunei. Oleh itu kaola cadangkan agar satu maksima yang jelas dan berkesan di wujudkan untuk memastikan semua perniagaan atau intiti yang memerlukan pas permit kerja adalah intiti berdaftar yang menyumbang kepada kewangan negara ini akan memastikan bahawa pertumbuhan kerajaan ini juga memberikan manfaat kepada hasil negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam usaha kita mempelbagaikan ekonomi kita perlu memastikan bahawa kita memfokuskan pada bidang-bidang yang memanfaatkan kekuatan kita *leveraging on our strength* dan memberikan manfaat maksimum kepada negara dalam berterus dalam jangka Panjang. Kaola berpendapat kita perlu mengenal pasti kekuatan dan kelebihan negara dan cari cara untuk memperkasa untuk memancu pertumbuhan ekonomi sebagai contoh salah satu kekuatan utama kita ialah nilai-nilai Islam yang kita pegang teguh yang mana Brunei Darussalam di kenal di seluruh dunia sebuah negara Islam yang progresif dan aman. Oleh itu, jenama halal Brunei dulu menjadi jenama

premium di pasaran halal global. Persoalannya apakah usaha kita pemasaran brand ini secara agresif? Kita perlu melabur dalam promosi dalam pemasaran jenama halal Brunei di peringkat antarabangsa mempelbagaikan produk-produk memastikan piawan yang tinggi mempromosi kita sebagai pilihan utama bagi pengguna-pengguna islam di seluruh dunia. Selain itu, kaola nampak kerajaan ini memumpukan kepada pembinaan pekerjaan *all work but no plan*. Kaola berpendapat perlu ruang dalam bajet untuk menambah baik dengan infrustuktur program mengalakkan pendekatan dengan lebih holistik di mana industri beraktif serta bersukan dan budaya dapat berkembang dengan lebih pesat agar pendapatan anak-anak kitani dan pengusaha-pengusaha tempatan dalam industri ini memberi alternatif yang berdaya maju sebagai sumber pekerjaan serta menyumbang kepada ekonomi sambil memelihara budaya menampilkan warga sihat, kompetitif dan berdisiplin. Dalam kapasiti infrastruktur, ada peluang untuk menjadi tuan rumah bagi sukan antarabangsa seperti Sukan SEA serta membangunkannya secara berperingkat.

Dalam industri petrokimia dan hiliran, persoalan penting ialah adakah kita mempunyai bekalan mentah yang mencukupi untuk keperluan sendiri dan untuk menyokong industri-industri hiliran yang kita rancang? Memandangkan industri ini kompleks dan berisiko tinggi seperti yang telah kaola bentangkan dalam Ucapan Menjunjung Kasih bahawa

negara perlu punya rancangan sekarang untuk membina kapasiti sumber manusia pakar *competent person* yang mencukupi untuk mengisi jawatan pengurusan pertengahan dan pengurus eksekutif dalam industri-industri ini bukan hanya jawatan peringkat permulaan dan negara punya pakar yang boleh mengawal selia dan memeriksa industri yang sangat kompleks dan berisiko tinggi ini. Program melatih rakyat mesti dibuat sekarang dengan penempatan *graduate* Brunei bekerja dalam kilang bersama *potential joint venture partner* dalam *venture* ini.

Alhamdulillah. Kaola percaya bahawa belanjawan ini jika dilaksanakan dengan komen-komen untuk dibuat dengan teliti dan berkesan, akan membantu kita mencapai matlamat pembangunan. Dengan bertawakal kepada Allah Subhaahu Wataala yang maha mengetahui dan memberi rezeki kepada yang berhak, kaola sokong Rang Undang-Undang Perbekalan, 2025/2026. Assalamualaikum warahmatullahi Taala wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawaty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawaty binti Haji Abdul Mumin:
Terima kasih, Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua (*Doa dibaca*).

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana peluang yang diberikan ini untuk kaola ikut serta membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan, 2025/2026 bagi Tahun Kewangan 2025/2026. Kaola juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, atas pembentangan yang menyeluruh dan komprehensif.

Alhamdulillah. Kaola dan yang pastinya Ahli-Ahli Yang Berhormat lain berasa syukur atas peningkatan belanjawan bagi Tahun Kewangan 2025/2026 sebanyak 6.35 bilion. Peningkatan ini pastinya memberi pelbagai faedah-faedah kepada rakyat dan negara kita. Namun, negara dijangka akan menghadapi defisit belanjawan sebanyak 3.1 bilion.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Secara umum, kaola mendapati adanya peningkatan dalam keseluruhan belanjawan dan pengurangan dalam alokasi Rancangan Kemajuan Negara RKN. Mengenai alokasi Rancangan Kemajuan Negara RKN, kaola mengambil maklum bahawa alokasi telah mengalami pengurangan sebanyak 58 peratus sejak RKN8 hingga RKN Ke-12. Pengurangan ini menimbulkan persoalan yang penting. Adakah ini menandakan peralihan dari perbelanjaan yang berfokus kepada pembangunan *development focus spending* kepada perbelanjaan operasi *operational expenses* dan bukannya

pelaburan jangka panjang *long term investment*?

Ini kerana, tanpa peningkatan pelaburan infrastruktur, bagaimana kita memperkukuhkan usaha untuk menarik pelabur dan mengembangkan industri utama seperti sektor makanan, pelancungan dan *ICT* dan perkhidmatan. Kebimbangan ini bukan sekadar teori, ia turut disuarakan oleh komuniti perniagaan yang memerlukan sokongan infrastruktur yang lebih besar. Ini adalah isu yang perlu kita tangani dan teliti.

Kaola ingin menekankan peranan penting kerajaan sebagai pelabur strategik dalam pembangunan ekonomi negara terutamanya melalui usahasama tempatan *joint ventures*. Kita perlu memahami bahawa pelaburan kerajaan bukan sekadar perbelanjaan tetapi merupakan pemankin pertumbuhan ekonomi yang penting. Seperti prinsip asas ekonomi, kita perlu membelanjakan wang untuk menjana wang. *We need to spend money in order to generate money*. Melalui pelaburan yang bijak, terutamanya melalui usahasama tempatan *joint ventures*, kita dapat mencipta peluang pekerjaan, membangunkan industri tempatan dan meningkatkan pendapatan negara.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola gembira mendengar beberapa program dan inisiatif memajukan ekonomi negara khususnya mengenai usaha mempelbagaikan ekonomi negara. Seperti kaola fahami, sebahagian besar pendapatan negara kita datang dari

sektor minyak dan gas. Kita perlu mengubah naratif negara dan perlu berani mengambil langkah-langkah inovatif untuk membangunkan sektor-sektor ekonomi alternatif.

Negara Brunei Darussalam mempunyai kedudukan strategik di negara di tengah-tengah Asia Tenggara dan kelebihan geografi ini haruslah dimanfaatkan untuk menarik pelaburan dan membangunkan sektor perdagangan. Dengan memanfaatkan kedudukan strategik dan membangunkan sektor-sektor ekonomi alternatif, kita dapat mewujudkan peluang pekerjaan baru meningkatkan pendapatan negara dan memperkukuhkan daya tahan ekonomi kita dalam menghadapi cabaran global.

Sehubungan dengan itu, salah satu bidang fokus utama dalam belanjawan ini adalah sektor perkhidmatan. Dalam sektor ini, kaola ingin menekankan pentingnya peningkatan kesalinghubungan *connectivity*. Dengan adanya keperluan untuk memperbaiki kesalinghubungan di Borneo mengambil manfaat nusantara Kalimantan sebagai ibu kota Indonesia. Ini akan memudahkan pergerakan barangan dan perkhidmatan serta meningkatkan perdagangan dan pelancungan di rantau ini. Selain itu, Negara Brunei Darussalam perlu mempunyai kesalinghubungan *connectivity* yang lebih baik secara keseluruhan, baik melalui udara, darat mahupun laut. Ini akan menjadikan Brunei sebagai pusat logistik dan perdagangan yang lebih menarik serta meningkatkan daya saing kita di pasaran global. Peningkatan *connectivity* juga

akan membuka peluang baru bagi perniagaan tempatan dan menarik pelaburan asing.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola mengambil maklum didapati bahawa negara kita masih bergantung kepada import dengan sekadar 70 persen dan tahap kebergantungan ini telah konsisten di sekitar 75 persen selama beberapa tahun. Ini adalah isu yang membimbangkan yang perlu kita tangani dengan segera. Apakah rancangan dan sasaran konkrit yang telah ditetapkan untuk mengurangkan kebergantungan ini?

Pihak kementerian perlu mempunyai sasaran yang jelas serta strategik yang terperinci untuk meningkatkan pengeluaran makanan tempatan. Kaola mencadangkan agar kita menetapkan sasaran pengurangan yang sederhana misalnya 10 peratus dan berusaha untuk mencapai sasaran tersebut melalui pelbagai pelan dan inisiatif. Dalam usaha dalam mengukuhkan sektor makanan untuk mendapat gambaran harga sebenar, kaola mencadangkan agar kita menjalankan kajian terperinci mengenai rantai bekalan *supply chain*. Ini boleh dilakukan dengan memfokuskan kajian pada satu jenama produk makanan tertentu dari peringkat pengilang, pengedar hingga ke penjual. Sebagai alternatif kita boleh memilih satu barangan keperluan rumah yang penting seperti minyak masak sebagai fokus kajian. Tujuan kajian ini adalah untuk memahami secara mendalam setiap peringkat rantai bekalan, mengenal

pasti kelemahan dan mencari penyelesaian untuk meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos. Dengan pemahaman yang lebih baik mengenai rantai bekalan, kita dapat membangunkan strategi yang lebih bekesan untuk meningkatkan pengeluaran makanan tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada import.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola percaya bahawa kita perlu mencari modal perniagaan alternatif yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan seperti modal perniagaan koperasi. Sebagai contoh terdapat banyak perniagaan dikelolakan oleh orang luar dan ini boleh diambil alih dengan adanya koperasi seperti kedai runcit yang dapat menggantikan perniagaan yang dikendalikan oleh orang luar yang semakin berkembang pesat. Terdapat contoh-contoh perniagaan koperasi yang berjaya di negara-negara jiran yang boleh kita contohi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyambut baik kerangka kerja ekonomi hijau yang telah dibentangkan namun kaola berpendapat bahawa kita perlu menetapkan sasaran yang lebih jelas dan struktur terukur. Saat ini banyak inisiatif yang dilaksanakan masih bersifat dalam proses atau hanya beberapa aktiviti tanpa kaitan yang jelas dengan hasil yang diharapkan. Kita perlu memastikan bahawa setiap inisiatif ekonomi hijau yang dilaksanakan mempunyai sasaran yang jelas, *indicator pre-starter* yang

terukur dan jadual pelaksanaan yang terperinci. Dengan cara ini kita dapat memastikan bahawa usaha kita dalam membangunkan ekonomi hijau memberikan hasil yang nyata dan mampan. Kita perlu mengalihkan fokus daripada satu aktiviti kepada pencapaian hasil yang nyata. Oleh itu, penetapan sasaran adalah penting sebagai contoh kita perlu menetapkan sasaran khusus mengenai penggantian tenaga domestik dengan sumber tenaga boleh diperbaharui *renewable energy*.

Secara keseluruhan kaola ingin menekankan pentingnya penetapan sasaran petunjuk prestasi utama, KPI. Kita perlu menetapkan sasaran yang jelas dan terukur terutamanya dalam usaha untuk mengenal pasti bidang-bidang di mana kita boleh mencapai prestasi yang cemerlang. Kita perlu menetapkan *outcome* KPI, yang realistik dan relevan yang mencerminkan keutamaan dan matlamat strategik negara, ini termasuk menetapkan sasaran untuk mengurangkan pembaziran dan meningkatkan kecekapan.

Dengan menetapkan KPI yang jelas dan memantau perbelanjaan secara berkesan, kita dapat memastikan bahawa sumber daya negara digunakan dengan sebaik-baiknya. Sekian pandangan menyeluruh kaola berkenaan Belanjawan Tahun Kewangan 2025/2026. Kaola berharap kita perlu lebih berani, *be bold* dan bersedia mengambil risiko yang terukur untuk memacu Negara Brunei Darussalam

ke arah pertumbuhan ekonomi yang jangka panjang dan yang mampan. Kita mengurangkan *risk-averse* tetapi maju ke hadapan untuk demi pertumbuhan ekonomi negara. InsyaAllah, Bismillah kita akan dapat merealisasikan jika kita semua bersatu, percaya dan bertekad untuk pencapaian pendekatan *Whole of Nation Approach*. Kaola berharap agar semua projek di bawah Belanjawan 2025/2026 ini dapat berjalan dengan lancar dengan kerjasama penuh dari pihak kerajaan dan agensi yang berkaitan dalam memastikan kejayaan pelaksanaan projek-projek ini insyaAllah.

Sekian Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang bijaksana. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. (*Doa dibaca*).

Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dengan pembentangan yang terperinci yang dibentangkan pada 1 Mac yang lalu. Kaola terkesima dengan pembentangan tersebut. Usaha ke arah meningkatkan pertumbuhan ekonomi telah diungkayahkan dan ada jua sudah perkembangan yang baik mengenainya.

Alhamdulillah usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi pula sudah menunjukkan hasil yang memberangsangkan terutama sekali di sektor hiliran minyak dan gas dan aktiviti-aktiviti perdagangan dan perkhidmatan perniagaan. Sektor hiliran minyak dan gas juga telah menyumbang kepada peningkatan eksport produk-produk baharu negara dan juga ke pasaran baru luar negara. Dengan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan bersabar mengenainya insyaAllah, Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa memberi hikmah dan hidayahNya kepada kitani dan negara dengan rezeki yang melimpah ruah insyaAllah.

Sukacita kaola merujuk buku biru Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Tahun Kewangan 2025/2026 dan pembentangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II khusus slaid muka surat ke 51 dan 52. Kaola musykil mengenai jumlah hasil dari sektor bukan minyak dan gas iaitu berbeza jumlahnya secara keseluruhan sebanyak \$802.24 juta jika dibandingkan dengan jumlah pecahan yang berjumlah \$765.57 juta. Apakah secara terperinci jumlah wang \$36.67 ini? Kaola musykil.

Izinkan kaola membentangkan perbincangan kaola mengenai dengan Belanjawan ini hasil dari penelitian awal kaola merujuk buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan, semoga dapatan kaola tepat dan selaras dengan apa yang dibentangkan. Usaha ke arah mengurangkan defisit 3.1 billion haruslah

ditingkatkan lagi usaha yang bersepadu pihak kerajaan selaku pemudah cara dan sektor swasta serta pelabur asing selaku enjin atau pemacu kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sifat saling faham memahami di antara pihak kerajaan dan swasta amatlah penting dalam sama-sama memastikan usaha pergerakan memercu aktiviti-aktiviti perniagaan adalah cepat dan berhasil. Kaola yakin jika sekiranya usaha memudah cara dari pihak kerajaan berjalan dengan lebih lancar, pihak sektor swasta akan dapat lagi bergerak dengan cepat untuk menggegarkan aktiviti-aktiviti perniagaan mereka.

Setelah meneliti dengan lebih lanjut, anggaran kutipan hasil keseluruhan pada tahun 2025/2026 iaitu berjumlah BND3.257 bilion dengan kutipan hasil keseluruhan bagi tahun 2024/2025 berjumlah BND3.352 bilion. Anggaran kutipan hasil pada tahun 2025/2026 ini menurun sebanyak BND94.6 juta iaitu penurunan pada kadar 2.8%. Jika dibandingkan lagi dengan tahun 2023/2024, kadar penurunan ini adalah lebih besar jurangnya iaitu sebanyak 11.8% iaitu BND430 juta. BND3.694 bilion pada 2023/2024 ditolak dengan BND3.275 bilion 2025/2026. Seperti yang kitani maklum, 75% dari hasil kutipan ini disumbangkan dari hasil minyak dan gas, 21.4% dari hasil kementerian, jabatan kerajaan dan selebihnya 3.6% hasil dari pulangan pelaburan dan simpanan serta lebihan hasil dari badan-badan berkanun. Insya Allah, kitani bersyukur jua dengan hasil-hasil ini.

Pada masa yang sama dan dengan rasa hormat, kaola ingin membangkitkan satu tinjauan di Dewan yang mulia ini mengenai dengan unjuran hasil dari kementerian atau jabatan bagi tahun 2025/2026 adalah tidak banyak kenaikannya. Ada yang *stagnant* tidak berubah dan ada yang menurun dari tahun sebelumnya. Penurunan ini lagi sangat ketara jurangnya jika dibandingkan dengan kutipan tahun 2023/2024 khusus hasil kutipan cukai-cukai iaitu BND85.7 juta lebih kurang 20%. Mungkin ada sebab-sebab tertentu mengenai penurunan ini, akan tetapi apa yang kaola boleh simpulkan di sini ialah ia menunjukkan usaha-usaha dari sektor awam memerlukan usaha yang lebih gigih lagi.

Sesetengah pegawai kerajaan juga perlu memahami dengan mendalamnya bahawa jika urusan sektor swasta dipermudahkan, insya Allah akan bertambahlah lagi aktiviti perniagaan syarikat tempatan dan akan bertambah jualan sumbangan cukai syarikat-syarikat tempatan kepada kutipan hasil kerajaan. Kaola memohon maaf di atas tinjauan ini dan hasrat kaola semata-mata untuk kitani beringat-ingat serta untuk menyuntik perspektif yang sedikit berbeza dengan idea-idea yang mungkin boleh diterima pakai. Tinjauan awal yang dapat kaola kongsi di sini ialah terdapatnya peluang-peluang dalam beberapa kementerian yang dipercayai boleh ditingkatkan hasil fiskal negara. Antara yang boleh kaola kongsi dan kaola percaya Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkaitan akan lebih arif

lagi mengenainya ialah seperti yang pertama, Kementerian Pembangunan. Peluang kutipan hasil dari pajakan atau sewa tanah di bawah Jabatan Tanah seluruh negara. Ini memerlukan perubahan strategik dan proses yang mesra sektor swasta seperti amalan terbaik di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan tanah-tanah di bawah *Darussalam Enterprise DARE*.

Dalam hal yang sama, adalah jua bisainya pihak Kementerian Pembangunan akan dapat memikirkan untuk memperkenalkan kaedah *The Ease of Leasing Process ELP* terutama sekali untuk memudahkan pelabur tempatan dan juga pelabur asing untuk memajak tanah kerajaan dengan cepat dan berkesan. Dengan ELP ini, kementerian yang lain juga yang mana tanah-tanah digazetkan di bawah kementerian-kementerian berkenaan bolehlah ikut jejak yang sama.

Yang kedua, bangunan terbiar di bawah MOD dan jua kementerian lain, boleh ditawarkan kepada sektor swasta untuk diubah suai atau diperbaiki atau dibangunkan semula dengan perbelanjaan sektor swasta, bukan kerajaan, untuk menjana pendapatan syarikat sambil menyumbang kepada GDP dan dapatan hasil kementerian berkenaan melalui hasil dan sewa atau pajakan atau hasil kongsi sama *revenue sharing*. Perkara ini memang sudah kaola bangkitkan di permesyuaratan ke-20 Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2024 dan kaola percaya tinjauan ini masih relevan

dan belum banyak perkembangan mengenainya.

Yang ketiga, masih di bawah Kementerian Pembangunan, minta maaf MOD, iaitu tanah-tanah poket atau *pockets of land* dalam kawasan Rancangan Perumahan Negara RPN yang sebilangannya sudah bertahun-tahun tidak dibangunkan oleh pihak kerajaan bolehlah ditawarkan kepada syarikat tempatan untuk dimajukan dan hasilnya iaitu dari pajak atau sewa atau *revenue sharing* akan masuk kepada kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan.

Seterusnya, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Dengan projek-projek pembangunan di atas tanah yang digazetkan di bawah kementerian ini dan juga rangsangan projek-projek dari pihak Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi bertambah, hasil kutipan boleh bertambah melalui kutipan cukai pintu di kawasan bandaran dan daerah.

Kelima ialah bagi 3 kementerian iaitu Kementerian Pendidikan, Hal Ehwal Ugama dan Kebudayaan, Belia dan Sukan. Prasarana kompleks sukan termasuk padang-padang bola sepak yang berlebihan yang hanya digunakan pada masa yang tertentu sahaja, tidak pada tahap maksima dengan berbayar dan juga padang-padang bola sepak yang sudah lama terbiar boleh dimaksimakan penggunaannya jika dibaiki. Ini juga boleh menambah pendapatan hasil dan hasilnya dapat digunakan untuk kerja-kerja

pemeliharaan prasarana berkenaan dan mengurangkan perbelanjaan kerajaan dalam kerja pemeliharaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang bijaksana, izinkan kaola juga menyentuh satu tinjauan hasil dari pembentangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Apa yang kaola fahami kebanyakan usaha sama yang membuahkan hasil dari sektor bukan minyak dan gas ialah di antara GLC dengan syarikat-syarikat dari luar negara. Kaola memahami akan strategi ini untuk memperbanyakkan penglibatan pelabur asing dalam negara. Persoalan kaola, adakah perancangan pihak kerajaan bagi GLC ini melakukan usaha sama yang sama bersama syarikat-syarikat tempatan ataupun jika sekiranya syarikat tempatan itu kurang diyakini, apakah tidak ada pemikiran untuk memberi peluang syarikat tempatan itu dengan usaha sama bersama syarikat luar negara untuk bekerjasama dengan GLC berkaitan?

Berkenaan dengan RKN pula, alhamdulillah, keberhasilan kitani ke arah meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui peruntukan dalam Rancangan Kemajuan Negara telah nampak membuahkan hasil yang dihasratkan. 2035 hanya tinggal lebih kurang 10 tahun saja lagi dari sekarang. Kitani perlulah bergerak dengan cepat dan bijak untuk mencuba sedaya upaya dapat mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 termasuk melalui projek-projek kemajuan yang telah disusun.

Di samping itu juga, apa yang kitani susun dan rancang dalam projek-projek berkenaan mestilah mengikut keutamaan dan kesesuaian dengan fokus kitani ke arah pembangunan ekonomi serta kesejahteraan rakyat dan negara. Mengenai pelaksanaan projek-projek RKN di bawah kementerian dan jabatan yang mana ada yang lambat tindakan disebabkan oleh pegawai yang melaksanakannya dan proses-proses yang perlu pengemaskinian. Ini adalah tinjauan dari RKN terdahulu dan RKN 12 ini.

Bagi RKN 12 ini seperti yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, dari 305 projek, 259 projek sahaja yang sama ada telah siap, dalam pelaksanaan dan masih di peringkat perancangan kementerian/jabatan berkenaan, selebihnya, 46 projek tidak diketahui statusnya, selepas satu tahun RKN 12 ini diluluskan. Lambat pelaksanaan telah akan melambatkan perancangan kementerian/jabatan itu dan akibatnya lambat penyumbang kepada kemajuan negara.

Kaola cadangkan pihak Kerajaan meneliti keupayaan pegawai-pegawai pelaksana satu-satu kementerian itu dan proses-proses serta peraturan yang sedia ada akan dapat dikemaskini bagi mengurangkan banyak tingkat-tingkatnya yang melambatkan proses *approval* dan pelaksanaan. Sekian, Wabillahitaufiq wal Hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi

wabarakatuh dan terima kasih lagi sekali kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, yang bijaksana.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Sebelum kaola meneruskan perbahasan, izinkan kaola mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat berpuasa kepada semua yang hadir di dewan yang mulia ini. Semoga ibadah puasa kita pada tahun ini diterima dan diberkati serta diberikan kekuatan dalam menunaikan segala amal kebaikan.

Alhamdulillah, kita sekali lagi diberikan peluang untuk bersama di dalam dewan yang mulia ini bagi membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun Kewangan 2025/2026. Kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, atas pembentangan belanjawan yang strategik, menyeluruh dan berpandangan jauh. Mencerminkan kesungguhan Kerajaan dalam memastikan negara terus berkembang pesat dan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan.

Peruntukan sebanyak BND\$6.35 bilion yang telah dibentangkan ini jelas

memperlihatkan kesungguhan kerajaan untuk memacu pembangunan negara, memperkukuhkan daya saing ekonomi dan memastikan kebajikan rakyat terpelihara. Tema belanjawan kali ini “Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur”, menunjukkan bahawa kejayaan negara bergantung kepada usaha kolektif antara kerajaan, sektor swasta dan rakyat dalam memastikan pembangunan negara terus seiring dengan Wawasan Brunei 2035.

Sebagai wakil daerah, kaola melihat bahawa belanjawaan ini tidak hanya bertumpu kepada pembangunan ekonomi makro tetapi juga merangkumi usaha untuk memperkukuhkan pembangunan di peringkat daerah termasuk peningkatan infrastruktur, pemerkasaan ekonomi setempat, kebajikan sosial serta penyediaan peluang pekerjaan bagi masyarakat luar bandar.

Oleh itu, dalam perbahasan ini, kaola ingin menyentuh aspek-aspek utama yang secara langsung memberi kesan kepada rakyat di daerah khususnya dalam pembangunan infrastruktur, kesejahteraan sosial, peluang ekonomi serta pembangunan modal insan.

Salah satu aspek utama yang kaola ingin tekankan ialah pembangunan infrastruktur dan penyediaan perkhidmatan asas di daerah. Kaola menyambut baik usaha Kerajaan dalam memastikan kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air bersih, jalan raya dan sistem telekomunikasi terus

ditingkatkan, namun realiti di lapangan menunjukkan bahawa masih terdapat daerah-daerah yang mengalami cabaran dalam akses kepada infrastruktur ini terutamanya di kawasan terpencil.

Dalam aspek telekomunikasi, meskipun Kerajaan telah menyediakan peruntukan bagi meningkatkan liputan rangkaian internet di kawasan luar bandar, kaola berpandangan bahawa usaha ini perlu dipercepatkan. Ekonomi digital semakin berkembang pesat dan akses kepada internet berkelajuan tinggi bukan lagi satu kemewahan tetapi keperluan asas untuk membolehkan masyarakat luar bandar menyertai ekonomi moden. Ini termasuk peluang dalam keusahawanan digital, pendidikan atas talian serta perkhidmatan kerajaan secara elektronik.

Oleh itu, kaola mencadangkan agar Kerajaan memberikan insentif kepada penyedia perkhidmatan telekomunikasi untuk memperluaskan liputan mereka ke kawasan terpencil serta menyediakan program latihan digital kepada komuniti luar bandar untuk memastikan mereka dapat memanfaatkan teknologi dengan sebaiknya.

Selain itu, isu bekalan air bersih dan penyelenggaraan jalan raya, masih menjadi cabaran utama di beberapa daerah. Kaola ingin mencadangkan agar Kerajaan memperkenalkan mekanisme penyelenggaraan berjadual bagi memastikan jalan raya di kawasan luar bandar sentiasa berada dalam keadaan baik terutama bagi kampung-kampung

yang masih menggunakan jalan berturap tanah dan mudah rosak ketika musim hujan.

Kaola juga ingin menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan atas usaha yang telah dilaksanakan dalam mengurangkan kadar pengangguran yang kini mencatat paras 4.8%, kadar terendah sejak tahun 1991. Ini adalah satu pencapaian besar dan kaola menyokong sepenuhnya inisiatif yang telah diperkenalkan terutamanya melalui Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA) yang menyediakan latihan dan pengalaman industri kepada golongan belia.

Sepertimana yang disebutkan oleh rakan Ahli Yang Behormat tadi, hala tuju selepas tempoh 12 bulan latihan ini perlu diperjelaskan. Adakah peserta akan ditawarkan pekerjaan tetap dalam syarikat yang sama atau mereka perlu mencari peluang lain selepas tempoh latihan tamat? Kaola mencadangkan supaya Kerajaan memperkenalkan mekanisme sokongan selepas tamat latihan termasuk insentif kepada syarikat untuk menyerap serta sebagai pekerja tetap selepas tamat latihan.

Program sokongan keusahawanan bagi peserta yang ingin memulakan perniagaan seperti selepas latihan, bimbingan kerjaya dan bantuan penempatan pekerjaan untuk membantu peserta mencari pekerjaan tetap. Dengan adanya pelan kesinambungan ini, kaola yakin bahawa SkiPPA akan memberikan impak yang lebih besar

dalam memastikan belia kita mendapat pekerjaan yang stabil dan selari dengan kemahiran mereka.

Kaola juga ingin menyentuh tentang isu pemilikan rumah yang merupakan salah satu cabaran utama bagi rakyat terutamanya golongan muda dan berpendapatan rendah atau sederhana. Kaola menyambut baik inisiatif kerajaan dalam meningkatkan kadar pemilikan rumah kepada 67.1%, yang menunjukkan keberkesanan program perumahan yang dilaksanakan. Namun masih terdapat ramai yang belum mampu memiliki rumah sendiri akibat kos perumahan yang tinggi.

Kaola mencadangkan agar Kerajaan memperkenalkan skim sewa beli yang lebih fleksibel serta meneroka konsep perumahan berasaskan teknologi hijau dan pembinaan kos rendah untuk meningkatkan akses kepada perumahan mampu milik.

Dalam aspek ekonomi daerah, kaola menyokong usaha kerajaan dalam memperkukuh sektor pelancongan sebagai pemacu ekonomi luar bandar. Daerah seperti Temburong, Tutong dan Belait mempunyai potensi besar dalam eko-pelancongan dan pelancongan berasaskan budaya yang boleh menarik lebih ramai pelancong dan meningkatkan pendapatan masyarakat setempat.

Kaola mencadangkan agar Kerajaan memperkenalkan insentif khas kepada usahawan tempatan yang ingin menceburi sektor pelancongan termasuk

dalam pembangunan *homestay*, perkhidmatan pelancongan ekologi dan program pelancongan komuniti.

Sebagai kesimpulan, belanjawan ini adalah satu perancangan yang kukuh dan strategik yang tidak hanya tertumpu kepada pembangunan bandar, tetapi juga memberikan perhatian kepada pembangunan luar bandar dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Setiap inisiatif yang dirancang dalam belanjawan ini membawa harapan besar dalam memastikan kemakmuran negara terus diperkukuhkan di samping menjamin kesejahteraan rakyat secara holistik.

Kaola yakin bahawa dengan pelaksanaan yang berkesan, belanjawan ini akan memberi manfaat besar kepada rakyat dan negara serta membantu merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035. Dalam masa yang sama, belanjawan ini juga seiring dengan hasrat dan wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dengan menitikberatkan aspek integriti, keberkesanan institusi negara dan perancangan yang mantang. Kita semua memainkan peranan dalam menggerakkan negara ke arah masa depan yang lebih stabil, makmur dan berdaya saing. Kaola menyokong sepenuhnya belanjawan ini dan berharap agar segala cadangan yang telah dikemukakan dapat dipertimbangkan demi manfaat bersama selaras dengan menjadikan institusi majlis ini berfungsi dengan lebih berkesan dan berwibawa

serta rakyat dan negara terus menikmati kemakmuran yang berkekalan.

Wabillahi taufik walhidayah,
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, kita telah pun mendengar perbahasan peringkat dasar. Saya kira cukuplah kita bersidang pada hari ini dan saya cadangkan supaya mesyuarat kita ini ditangguhkan.

Insya Allah, kita akan bersidang semula pada hari Rabu, esok, 5 haribulan Mac 2025 mulai daripada jam 5.30 pagi. Sekian, Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Maaf, kita akan bersidang pada jam 9.30 pagi esok.

[Majlis mesyuarat ditangguhkan]